

**PROSES PEMULIHAN AKHLAK BUDAK-BUDAK NAKAL
SATU KAJIAN KES DI SEKOLAH LAKI-LAKI SUNGAI BESI,
KEMENTERIAN KEBAJIKAN AM, MALAYSIA**

Dalam kajian ini, penulis telah berusaha menyentuh beberapa aspek yang berikut:

Peranan sekolah penapis terhadap perkembangan jidah budak-nakal kepadanya. Kredit: Abduh Hadi. Sesudah latihan penyelidikan ini, penulis berharap bahawa ia boleh membantu dan memberi sumbangan kepada penapisan sekolah.

Oleh

Dengyan Ahmad, No. Matric: 29689
No. Metrik: 29689
Penulis berterima kasih atas bantuan dan sokongan yang diberikan kepada pihak Kementerian Kebajikan Am. Penulis juga berterima kasih atas sokongan dan bantuan yang diberikan oleh Dr. Md. Salleh bin Md. Sungai Besi, Kuala Lumpur. Penulis juga mengucapkan banyak terimakasih kepada Dr. Md. Ismail bin Md. Yusoff (Pengetahuan), Prof. Dr. Mohd. Zaini bin Md. Hassan (Pengaruh) dan Prof. Dr. Md. Ismail bin Md. Yusof (Pembentuk Kepercayaan Diri).

**LATIHAN ILMIAH UNTUK MEMENUHI SYARAT
YANG DIPERLUKAN BAGI IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
FAKULTI SASTERA, UNIVERSITI MALAYA**

Penulis berterima kasih atas sokongan serta bantuan yang diberikan oleh Prof. Dr. Md. Ismail bin Md. Yusoff (Pengetahuan), Prof. Dr. Md. Ismail bin Md. Yusoff (Pengaruh) dan Prof. Dr. Md. Ismail bin Md. Yusoff (Pembentuk Kepercayaan Diri).

Dengan bantuan budi yang seterusnya ditujukan kepada Jurutela Latihan Sastera Anak Asuh Majlis Sastera Dr. Haji Lee dan Kadipaten Dr. Abduh Hadi. Penulis berterima kasih atas sokongan dan bantuan yang diberikan oleh Dr. Md. Ismail bin Md. Yusoff (Pengetahuan), Prof. Dr. Md. Ismail bin Md. Yusoff (Pengaruh) dan Prof. Dr. Md. Ismail bin Md. Yusoff (Pembentuk Kepercayaan Diri).

**UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

1979/80

PENGHARGAAN

Dalam usaha menyiapkan latihan ilmiah ini penulis telah banyak terhutang budi kepada beberapa pihak yang tertentu.

Pertama sekali penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Encik Abdul Hadi Zakaria iaitu penyelia latihan ilmiah ini yang telah banyak memberi dorongan dan tunjuk ajar kepada penulis.

Ucapan terima kasih juga diungkapkan di sini kepada pihak Kementerian Kebajikan Am yang telah memberi keizinan kepada penulis untuk menjalankan kajian latihan ilmiah ini di Sekolah Laki-Laki Sungai Besi, Kuala Lumpur. Kepada kakitangan-kakitangan Sekolah Laki-Laki Sungai Besi khususnya Encik Yoong Yee Kwee (Pengetua), Encik Mohd. Zain bin Salleh (Timbalan Pengetua) dan Encik Johari bin Haji Anuar (Pembantu Kebajikan Masyarakat) sesungguhnya penulis banyak terhutang budi kepada mereka.

Kepada Encik Othman bin Daimun serta isteri juga penulis tidak lupakan kerana telah menyediakan tempat tinggal kepada penulis semasa kajian latihan ilmiah ini dijalankan.

Ucapan terima kasih yang seterusnya ditujukan kepada jurutaip latihan ilmiah ini iaitu Hajjah Saadiah bt. Haji Isa dan Katijah bt. Abdul Halim kerana telah bersusah payah tanpa mengenal penat lelah di dalam menaip latihan ilmiah ini.

Kepada rakan-rakan penulis yang telah memberikan semangat dan dorongan kepada penulis di dalam menyiapkan latihan ilmiah ini sesungguhnya penulis menghargai setiap sumbangan yang telah mereka berikan.

Akhir sekali penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada 'Spiderman', 'Paracute', 'Bob' dan rakan-rakannya di Sekolah Laki-Laki Sungai Besi kerana tanpa kerjasama daripada mereka adalah sukar bagi penulis menjalankan latihan ilmiah ini. Sesungguhnya kepada mereka lahir kajian ini ditujukan.

Terima Kasih.

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
19hb. September 1979

No. Metrik: 29689

(a) Social Anthropology	17
(b) Social Sociology	19
1.1 General Sociology	
(a) Sociology	20
(b) General Sociology Anthropology	22
(c) General Sociology Anthropology Sociology	23
1.2 Comparative Sociology	
(a) Comparative Anthropology	27
(b) Sociology	31
(c) Anthropology Sociology	32

Muka Surat

PENGHARGAAN	(a) Anugerah Universiti	i
DAFTAR KANDUNGAN		iii
DAFTAR JADUAL		vi
BAB I:	PENDAHULUAN	1
1.1	Latarbelakang Am	1
1.2	Latarbelakang Kajian	3
1.3	Penerangan Konsep-Konsep	8
(a)	Budak-Budak	8
(b)	Budak-Budak Nakal	9
(c)	Mahkamah Budak-Budak	11
(d)	Pemulihan	14
1.4	Perkembangan	17
BAB II:	TEORI KENAKALAN DAN PEMULIHAN	17
2.1	Pendahuluan	17
(a)	Teori Saikologi	17
(b)	Teori Sosiologi	18
2.2	Teori-Teori Pemulihan	20
(a)	Deraan	23
(b)	Teori Rawatan Berdasarkan Pendekatan Saikologi	25
(c)	Teori Pemulihan Berdasarkan Pendekatan Sosiologi	29
2.3	Cara-Cara Pemulihan	32
(a)	Pengawasan Akhlak	37
(b)	Seliaan	41
(c)	Sekolah Akhlak	44

Muka Surat

(d) Asrama Tahansentara	47
BAB III: LATARBELAKANG PENGHUNI DAN INSTITUSI	
3.1 Latarbelakang Penghuni	120
(a) Pendahuluan	51
(b) Pendapatan Keluarga	52
(c) Perpecahan Keluarga	53
(d) Latarbelakang Pelajaran	56
(e) Pergaulan dan Pekerjaan	60
3.2 Kesimpulan Punca-Punca Kenakalan	62
3.3 Latarbelakang Sekolah	
(a) Pendahuluan	66
(b) Pentadbiran	67
(c) Kelayakan dan Pengalaman	71
(d) Lembaga Pelawat	72
BAB IV: PROGRAM DAN PROSES PEMULIHAN	
4.1 Proses Pemulihan	76
4.2 Program Pemulihan	80
(a) Membina Akhlak	80
(b) Pelajaran	87
(c) Lain-Lain Aktiviti	91
4.3 Beberapa Masalah Utama Di Dalam Proses Pemulihan	92
BAB V: PENILAIAN PROSES DAN PROGRAM PEMULIHAN	
5.1 Pendahuluan	95

Muka Surat

5.2 Penilaian Sikap dan Proses Pemulihian	96
5.3 Penutup	107
 BIBLIOGRAFI	 110
 LAMPIRAN	 I - IX

DAFTAR JADUAL

JADUAL	Muka Surat
1.1 Jumlah Semua Kes-Kes Jenayah Yang Dilaporkan Kepada Polis. Jumlah Pesalah Budak-Budak dan Jumlah Penduduk Semenanjung Malaysia	2
3.1 Jenis-Jenis Kesalahan Mengikut Bangsa	51
3.2 Taburan Pendapatan Keluarga Budak-Budak Mengikut Bangsa	52
3.3 Perpecahan Keluarga Berdasarkan Kategori Pertama, Taburan Mengikut Bangsa	54
3.4 Jalinan Perhubungan Ahli-Ahli Keluarga	55
3.5 Taraf Pencepatan Pelajaran Formal Budak-Budak Semasa Ditangkap	57
3.6 Cara-Cara Berhenti Sekolah	58
3.7 Perhubungan Di antara Taraf Pencapaian Pelajaran Dengan Latarbelakang Sosio-Ekonomi Keluarga	59
3.8 Jenis Pekerjaan Dan Gaji Di Kalangan Mereka Yang Pernah Bekerja	61
5.1 Jawapan Kepada Soalan Nombor 1 dan Kaitannya Dengan Budak-Budak Tertentu Mengikut Jenis Kesalahan	97
5.2 Jawapan Kepada Soalan 'Tahukah Saudara Mengapa Saudara Dihantar Ke Sekolah Ini'. Jawapan Dari Murid-Murid Dari Kategori Jenis-Jenis Kesalahan	99
5.3 Jawapan Kepada Soalan 'Apakah Perasaan Saudara Sekarang, Mengikut Jenis Kesalahan Yang Dilakukan	100
5.4 Jalinan Perhubungan Penghuni Kaktangan	101
5.5 Darjah Minat Terhadap Latihan-Latihan Voksyenial Yang Diikuti	103

masalah dengan 1972, dan meningkatnya jumlah keseluruhan populasi adalah hasil dari tahun 1972 - 1976 dengan meningkatnya rata-rata sekitar 1.7% dan 1.9%, maka kejadian di Malaysia bertambah tidak jauh dari 1970.

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Latarbelakang Am

Masalah jenayah dan keruntuhan moral di kalangan generasi muda telah menjadi topik perbincangan dan polemik hangat dari segenap lapisan masyarakat. Masalah ini bukan sahaja terjadi dengan serious di negara-negara barat malah ianya telah mula merebak ke negara-negara dunia ketiga yang sedang pesat menjalani proses industrialisasi.

Di negara kita masalah keruntuhan akhlak di kalangan generasi muda telah mula mendapat perhatian yang serious sejak tamatnya perang dunia yang kedua.¹ Bertitik tolak daripada tarikh ini jumlah kes-kes jenayah di kalangan budak-budak yang dilaporkan kepada polis telah meningkat dari semasa ke semasa, misalnya trend dari tahun 1972 - 1976 menunjukkan lihat Jadual 1.1.

Jadual 1.1, menunjukkan, dengan pertambahan penduduk kejadian jenayah juga bertambah. Dibandingkan dengan tahun 1972 jumlah pesalah budak-budak menjadi kurang dalam tahun 1973 dan 1974 tetapi bertambah dalam tahun 1975 dan 1976. Nisbah kejadian jenayah adalah semakin kecil dari tahun 1977 hingga 1975, nisbah bagi tahun 1976 adalah

¹Malaya (Federation), Department of Social Welfare, Annual Report for 1947, hal. 4.

sama dengan 1975. Ini menunjukkan pesalah budak-budak kepada penduduk adalah besar dari tahun 1972 - 1974 tetapi menjadi kecil dalam tahun 1975 dan 1976, maka kejadian jenayah adalah bertambah dalam tahun 1975 dan 1976.

JADUAL 1.1

Jumlah Semua Kes-Kes Jenayah Yang Dilaporkan Kepada Polis. Jumlah Pesalah Budak-Budak Dan Jumlah Penduduk Semenanjong Malaysia

Tahun	Penduduk %	Jum. Kes Jenayah %	Jum. Pesalah Budak-Budak (3)	NISBAH	
	(1)	(2)	(3)	(1)/(2)	(2)/(3)
Tahun Asas 1972	9,268,123 (2.9%)	36,865 (14.6%)	2,198	251	17
1973	9,533,823 (2.9%)	42,247 (14.6%)	(-14%)	226	22
1974	9,813,616 (5.9%)	52,666 (42.9%)	2,116 (-3.7%)	186	25
1975	10,106,399 (9.1%)	63,961 (73.5%)	3,474 (58%)	158	18
1976	10,407,343 (12.3%)	66,640 (79.1%)	3,597 (63.6%)	158	18

Sumber: Berita Kebajikan, Jilid 7, Bil. 1, Jan/Feb/Mac 1978.

Perlu diingatkan jumlah pesalah budak-budak separtimana yang tertara dalam Jadual 1.1 adalah jumlah yang resmi iaitu jumlah kes-kes jenayah yang dilaporkan. Adalah diketahui umum bahawa tidak semua perlakuan jenayah itu dilaporkan dan sampai kepada pengetahuan polis.

Sekurang-kurangnya terdapat tiga sebab utama mengapa jumlah kes-kes yang sebenar tidak diperolehi. Pertama ianya, bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan, lazimnya hanya kesalahan-kesalahan yang serious sahaja, yang dilaporkan kepada polis. Kedua, polis tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk mengawasi setiap kesalahan yang dilakukan oleh remaja. Ketiga terdapatnya keadaan 'keberlainan penguatkuasaan undang-undang' di kalangan remaja-remaja, remaja-remaja yang datang daripada keluarga kelas menengah, lazimnya lebih mudah dibebaskan daripada tindakan undang-undang jika dibandingkan dengan pesalah-pesalah remaja yang berasal daripada keluarga kelas bawah.

Walau bagaimanapun dengan hanya berdasarkan kepada perangkaan yang resmi sudah lebih daripada mencukupi untuk kita menganggap bahawa masalah ini sebagai satu masalah sosial yang serious. Dengan ini adalah difikirkan perlu setiap pencinta keadilan dan kemakmuran umumnya dan pengkaji-pengkaji kriminologist khususnya mengkaji dan memikirkan dari semasa ke semasa akan cara-cara yang cekap dan sistematik bagi penyakit sosial ini boleh dikawal sekurang-kurangnya kalaupun tidak untuk dibentras sama sekali.

1.2 Latarbelakang Kajian

Dujuan

Kajian ini secara keseluruhan bergerak di atas dasar pencapaian tiga matlamat yang utama. Pertama untuk mencari sebab-sebab utama yang telah menyebabkan budak-budak yang dimasukkan ke sekolah ini terlibat dengan aktiviti-aktiviti jenayah. Kedua, meninjau secara

terperinci program-program dan proses pemulihian yang terdapat di institusi ini. Ketiga, memberi satu penilaian teoritikal dan emperikal tentang program-program dan proses pemulihian yang telah diperhatikan.

Bagi memperlengkapan matlamat pertama, penulis akan melihat sebab-musabab kenakalan menerusi dua pendekatan, pertama, melalui pendekatan teoritikal dan, kedua, pendekatan emperikal. Dengan lain perkataan penulis akan melakukan satu penyesuaian di antara aspek-aspek teori kenakalan remaja dengan aspek-aspek yang ditemui melalui kajian emperikal.

Bagi mencapai matlamat kedua dan ketiga, penulis akan meninjau perlaksanaan pemulihian dari berbagai-bagai sudut antaranya termasuklah, pentadbiran institusi, kakitangan institusi, program pemulihian, proses pemulihian dan juga sikap penghuni terhadap pemulihian. Setalah segala aspek ini disentuh barulah penulis akan melakukan penilaian program dan proses pemulihian yang telah dilakukan. Dua pendekatan akan digunakan di dalam melakukan penilaian ini, pertama pendekatan yang berdasarkan teori-teori pemulihian dan kedua penilaian berdasarkan perhatian dan soal solidik.

Cara-Cara Kajian

Banyak cara yang berasingan tetapi berkaitan telah digunakan di sepanjang kajian ini:

- I. Penyelidikan perpustakaan
- II. Kajian Laporan-laporan
- III. Perbualan dan temu ramah
- IV. Pemerhatian

Penyelidikan di perpustakaan bertujuan untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan yang sesuai dengan kajian ini. Bahan-bahan rujukan ini amat penting kerana melaluiinya penulis memperolehi gambaran secara abstract aspek-aspek yang berkaitan dengan pemulihan. Selain daripada itu ianya juga penting untuk menerangkan beberapa konsep yang berkaitan dengan proses pemulihan dan juga beberapa teori kenakalan dan pemulihan.

Langkah kajian yang kedua ialah mengkaji dan meneliti laporan-laporan yang berkaitan dengan latarbelakang penghuni. Pada peringkat ini laporan Pegawai Akhlak adalah menjadi tumpuan utama. Daripada laporan ini penulis memperolehi data-data yang berkaitan dengan latarbelakang setiap penghuni di insti^{eu}usi ini. Selain daripada mengkaji Laporan Tahunan sekolah. Daripadanya penulis telah memperolehi beberapa maklumat dan data-data yang berkaitan dengan urusan pentadbiran belanjawan, jumlah kakitangan dan sebagainya.

Langkah yang ketiga ialah melakukan perbualan dan soal selidik. Perbualan dilakukan secara tidak resmi dan juga dengan cara yang resmi.

Perbualan yang resmi digunakan apabila penulis menemuduga kakitangan yang tertentu misalnya Pengetua dan Timbalan Pengetua. Sementara perbualan yang tidak resmi pula digunakan apabila penulis ingin mendapatkan sesuatu daripada kakitangan-kakitangan pemulihan yang lain dan juga daripada penghuni-penghuni institusi ini.

Melalui perbualan secara tidak resmi dua faedah telah di perolehi darinya. Pertama, penulis telah memperolehi berbagai-bagai aspek yang berkaitan dengan pemulihan, misalnya, masalah-masalah yang dihadapi oleh kakitangan pemulihan, perhubungan antara kakitangan dengan penghuni, anggapan penghuni terhadap institusi ini dan kakitangan-nya dan sebagainya. Faedah yang kedua, melalui perbualan yang tidak resmi ini penulis dapat menyesuaikan diri dengan keadaan kehidupan di institusi ini. Penyesuaian ini memudahkan penulis untuk mendapatkan kerjasama baik dari kakitangan institusi ini maupun dari penghuni-penghuninya.

Soal solidik hanya dilakukan ke atas sebahagian sahaja daripada murid-murid institusi ini soalan-soalan yang dikemukakan adalah soalan-soalan tertutup (jawapan disediakan) soal solidik bertujuan untuk mengesahkan secara resmi gambaran sikap penghuni-penghuni dalam aspek-aspek tertentu seperti mana yang telah penulis perolehi daripada perbualan dengan beberapa orang murid.

Cara kajian yang terakhir ialah pemerhatian penyertaan. Pemerhatian sebenarnya telah mula diapplikasikan dalam kajian ini sejak dari awal kajian ini dimulakan melalui pemerhatian penulis

dapat melihat sendiri bagaimana proses pemulihan dilaksanakan.

Selain daripada pemerhatian, penulis juga telah berpeluang untuk menyertai bersama di dalam perlaksanaan beberapa proses pemulihan seperti mesyuarat ahli Lembaga Pelawat, Majlis Persidangan Kes dan Mesyuarat Kakitangan.

Masalah Dalam Kajian

Masalah pertama, ialah laporan yang kurang lengkap dan tidak sama oleh pegawai-pegawai akhlak di dalam menyediakan social study seseorang budak. Oleh itu penghurian secara lengkap faktor-faktor pengaroh kepada perlakuan yang menyeleweng tidak dapat dihuraikan dengan jelas dalam kajian ini. Sebagai jalan keluar penulis hanya akan membicarakan faktor-faktor yang utama dan universal sahaja di dalam percubaan penulis untuk mencari punca-punca asas konakalan moral.

Masalah kedua, berpunca daripada pemilihan responden untuk disoal solidik. Penulis hanya mampu melakukan soal selidik ke atas 64 orang murid-murid sahaja. Ini disebabkan sebahagian besar daripada murid-murid di institusi ini tidak menjalani proses pemulihan dalam institusi. Selain daripada itu jumlah murid-murid dalam tiap-tiap kategori adalah tidak seimbang dalam hal ini penulis terpaksa melakukan penyesuaian untuk mengujudkan perseimbangan bagi memudahkan penganalisaan.

Masalah kajian yang ketiga ialah untuk mendapatkan data-

data untuk mengakur 'kekesan' proses pemulihan institusi ini. Oleh kerana kekurangan data-data yang diperlukan untuk dijadikan bahan analisa emporikal, maka penganalisaan terpaksa dilakukan secara spekulasi dengan bantuan teori-teori pemulihan dan juga hasil-hasil daripada soal solidik.

1.3 Penerangan Konsep-Konsep

Supaya pemahaman kita tentang kajian ini menjadi jelas dan supaya kita tidak lari daripada tujuan dasar kajian ini, maka adalah difikirkan perlunya terlebih dahulu dijelaskan beberapa konsep yang berkaitan dengannya.

(a) Budak-Budak

Mentakrif 'budak-budak' supaya ianya mempunyai satu pengertian yang standard bukanlah merupakan satu tugas yang mudah. Bagi maksud latihan ilmiah ini adalah memadai sekiranya pengertian 'budak-budak' ini ditakrifkan dari sudut perundangan bertulis.

Di Malaysia dengan berpandukan kepada Juvenile Courts Act, 1974 yang telah dikurniakan di Malaysia Barat pada 1hb. Disember 1949, telah membahagikan budak-budak kepada 3 kategori berdasarkan kriteria umur. Pertama, kanak-kanak (child), iaitu budak-budak yang telah berumur 14 tahun, kedua remaja (juvenile) iaitu budak-budak yang berumur di antara 10 hingga 18 tahun dan ketiga, orang-orang muda (young person) iaitu sesiapa yang telah mencapai umur 14 tahun tetapi di bawah umur 18 tahun.

Takrif budak-budak berdasarkan kepada kriteria umur tidaklah serupa antara satu-satu masyarakat. Dalam masyarakat yang simple misalnya, status dewasa adalah lebih cepat dicapai jika dibandingkan dengan masyarakat yang kompleks.

(b) Budak-Budak Nakal

Hingga ke masa ini istilah budak-budak nakal masih merupakan satu istilah yang masih samar-samar pengertiannya. Kesamaran ini berpunca daripada perbezaan kornotasi dan definisi di antara legal jurisdiction dengan definisi komuniti tempat tinggal seseorang budak.²

Untuk menjadi nakal dari sudut perundangan bertulis, budak hendaklah secara sah didapati telah melanggar undang-undang negara. Manakala dari segi sosialnya, kenakalan tidak sahaja terhad kepada pelanggaran 'statute' malah pelanggaran yang lebih luas daripada itu.

Dengan lain perkataan setiap budak-budak yang nakal tidaklah semestinya secara formal telah dihubungkan dengan mahkamah budak-budak, polis atau agensi-agensi pemulihian, memadailah jika dia dianggap berbesa oleh komunitinya.

Adalah disikui bahawa kenakalan ialah satu bentuk perlakuan yang melanggar undang-undang. Tetapi adakah setiap pelanggaran undang-

² Allan R. Coffey, Juvenile Correction: Treatment Rehabilitation, Englewood Clifff, New Jersey, Prentice Hall, 1975, hal. 62.

undang boleh kita tekrifkan sebagai nakal. Kenakalan dan pelanggaran undang-undang adalah dua perkara yang berbeza. Coffey³ berpendapat definisi kenakalan yang sesuai hendaklah definisi yang flexible dengan berbagai-bagai pendekatan mengenai teori kenakalan remaja.

Secara umum terdapat dua definasi kenakalan. Pertama kenakalan terjadi apabila seseorang budak didapati telah melanggar undang-undang yang jika dilakukan oleh orang dewasa membolehkan mereka (orang dewasa) dipanggil sebagai penjensyah, atau, telah didapati melanggar peraturan-peraturan yang sepatutnya dia digelar nakal tetapi tidak boleh digelar nakal. Definasi yang kedua ialah definasi yang menganggap bahawa 'kenakalan' adalah antisosial yang bukan jenayah.

Synthesis daripada dua definasi di atas Coffey telah mondefinasikan kenakalan budak-budak berdasarkan kepada konsep Community Tolerance of Law Violation. Berdasarkan kepada konsep ini apabila seseorang budak telah melanggar undang-undang samada undang-undang itu diaplikasikan kepada orang-orang dewasa atau tidak dan undang-undang yang dilanggar itu tidak boleh dimaafkan oleh 'community standard' maka budak itu bolehlah dianggap sebagai budak-budak nakal.

Oleh kerana ketiadaan satu definasi sosial yang dapat diterima sebagai satu definasi kenakalan yang standard maka untuk kajian ilmiah ini adalah lebih selamat jika definisi kenakalan itu didasarkan kepada definisi perundangan. Dari segi perundangan bertulis remaja nakal adalah dimaksudkan dengan, sebarang budak yang telah di

³ Ibid, hal. 60.

sahkan secara formal didapati bersalah kerana melanggar undang-undang Jenayah atau sebarang undang-undang lain yang mana akibat daripada pelanggaran ini dia terpaksa dimasukkan ke institusi-institusi pemulihara atau diletakkan di bawah pengawasan akhlas sepetimana yang diperuntukkan di dalam undang-undang itu.⁴

(c) Mahkamah Budak-Budak

Falsafah yang mendokong pembentukan Mahkamah Budak-Budak berasal daripada satu konsep dalam bahasa Latin iaitu 'paren patris' yang membawa maksud 'the parent of the country'. Konsep ini merujuk kepada kepercayaan bahawa, pihak berkuasa yang tertinggi, mempunyai hak dan obligasi untuk mengaroh dan melindungi rakyat-rakyatnya yang kurang berasib baik.⁵

Berdasarkan kepada falsafah ini, apabila negara kita diperkenalkan dengan sistem pemerintahan dan perundangan barat satu akta yang bertujuan untuk menyediakan cara-cara perlindungan budak-budak di negara ini telah digubal pada tahun 1947 yang telah dikuatkuasakan di Malaysia Barat sejak lhb. Disember 1949 yang kita kenali pada hari ini sebagai Juvenile Courts Act 1947.

Dari segi fungsi dan prinsip, mahkamah Budak-Budak adalah bertentangan dengan fungsi dan prinsip Mahkamah Dewasa. Perbezaan ini

⁴ United Nation, 'Legal Meaning of Juvenile Delinquency, dalam Reed (ed.) Faces of delinquency, Englewood Cliff, N.J. Prentice Hall, 1972, hal. 8.

⁵ Robert C. Trojanowicz, Juvenile Delinquency, Consent & Control, (2nd edt.) Englewood Cliffs, Prentice Hall, New Jersey 1978, hal. 5

dapat dilihat dengan memerhatikan postulate di bawah.⁶

Mahkamah Jenayah

1. Perbicaraan dicirikan dengan kesedaran dua pihak yang berkonflik
2. Tujuan perbicaraan, untuk menentukan yang dituduh bersalah atau tidak
3. Peraturan yang terhad untuk dapatkan maklumat yang berkaitan dengan perwatakan
4. Maklumat perwatakan tidak dijadikan asas bukti
5. Hukuman jika bersalah
6. Keputusan lebih berbentuk 'deterrent'

Mahkamah Budak-Budak

1. Perbicaraan dicirikan melalui kaedah penyiasatan yang saintifik
2. Tujuannya, untuk mengetahui secara umum perwatakan dan keadaan yang dituduh
3. Peraturan yang luas untuk dapatkan maklumat perwatakan
4. Maklumat perwatakan adalah asas kepada keputusan
5. Perlindungan, bimbingan dan rawatan
6. Keputusan lebih berbentuk pembetulan

Di bawah Ordinan No. 38, Juvenile Courts Act 1947, Mahkamah Budak-Budak adalah diberi kuasa untuk membicarakan semua kes-kes kesalahan yang dilakukan oleh budak-budak di negara ini yang berumur di antara 8 hingga 16 tahun, kecuali kesalahan-kesalahan yang boleh membawa kepada hukuman mati.

⁶ Edwin Sutherland and Donald Cressey, Criminology, Tenth Edition, Philadelphia: J.B. Cippincott Company, 1978, hal. 476.

Malkamah Budok-Budak adalah **dilakukan** oleh seorang yang di Fortune Mahkamah Sission dengan dibantu oleh 2 orang penasihat, seorang daripadanya terdiri daripada wanita.

Perbicaraan di Mahkamah Budok-Budak dibuat secara berasingan dari perbicaraan Mahkamah Jenayah bagi orang-orang dewasa. Di Malaysia lazimnya perbicaraan diadakan di bangunan yang sama dengan bangunan Mahkamah Sesasi tetapi dilangsungkan dalam naga yang berbeza..

Perbicaraan di Mahkamah Budok-Budak tidaklah dibuka kepada kepada umum. Hanya pegawai-pegawai mahkamah, pihak-pihak di dalam kas seperti ibu bapa atau penjaga, pegawai-peguam, sekisi-sakisi dan lain-lain orang terlibat secara langsung dalam kas itu serta orang-orang lain yang diberi kuasa secara bertulis oleh mahkamah untuk hadir semasa perbicaraan sedang dijalankan.

Satolah perbicaraan dijalankan dan maktamah berpuas hati bahawa budok yang dikuboh adalah bersalah dan mahkamah berpendapat bahawa budok itu adalah manusia perlindungan, di bawah sekayu 12. Akta Mahkamah Budak-Budak, Mahkamah Budok-Budak adalah diberi kuasa untuk membahaskan; membebaskan dengan sifat Jamin dan berkalakuan baik; memarintahkan agar dijaga oleh keluarga atau orang-orang yang tertentu; memerintahkan budok dinausikan ke arahna tabanan sementara, dihantar ke sekolah Henry Gurney, dimasukkan ke sekolah-sekolah cikleks, di perintahkan membayar denda, pampasan atau kos atau memenjarakan pula. Sekiranya pesalah diparitrah membayar denda, pampasan atau kos, mahkamah bolehlah menarikah ibu bapa atau penjaga pesalah manayanya.

(d) Pemulihan

Bersetujuan dengan tajuk latihan ilmiah ini, konsep pemulihan adalah merupakan satu konsep yang penting yang memerlukan perhatian yang teliti.

Kekeliruan sering terjadi di dalam mendefinisikan apa yang dimaksudkan dengan pemulihan. Menurut Bean, kekeliruan ini adalah berpunca daripada kekeliruan yang kerap untuk membezakan di antara 'rawatan' dan 'latihan' serta juga di antara 'reform' dan 'pemulihan'.⁷

'Latihan' bermakna usaha yang dilakukan secara sedar untuk mempengaruhi sikap orang lain, sementara 'rawatan' pula lebih merupakan cara-cara untuk membantu pesalah mengatasi masalah-masalah yang dihadapinya. Yang pertama adalah berkaitan dengan tindakan-tindakan luaran atau kawalan luaran, sementara yang kedua pula adalah berkaitan dengan pembentukan nilai, lasannya dicapai melalui perhubungan dengan orang-orang yang tertentu misalnya, seorang pakar 'terapi'.⁸

Walaupun kedua-dua 'latihan' dan 'rawatan' mempunyai matlamat yang khusus tetapi pada akhirnya kedua-duanya menuju ke satu matlamat akhir yang sama iaitu pemulihan. Ini telah ditekankan ke dalam falsafah moden pemulihan di mana pengawasan akhlak, latihan institusi, serta rawatan dan seliaan telah diapplikasikan secara berperingkat-peringkat di dalam proses pemulihan.⁹

⁷ Philip Bean, Rehabilitation And Deviance, London Routledge & Kegan Paul, 1976, hal. 4.

⁸ Ibid, hal. 5.

⁹ Ibid, hal. 6.

Penjelasan di atas telah menghadkan pengertian pemulihan kepada pemakaian 3 cara sahaja (pengawasan akhlas, latihan institusi serta rawatan dan seliaan) dengan lain perkataan ianya telah manafikan 'hukuman' sebagai salah satu cara pemulihan.

Penafian ini terjadi disebabkan oleh adanya gambaran yang salah tentang 'rawatan' dan 'hukuman'. Hukuman lazimnya digambarkan sebagai satu konsep yang berlawanan dengan rawatan. Pada hakikat yang sebenarnya 'hukuman' dan 'rawatan' bukanlah dua perkara yang berlawanan, lawan kepada hukuman sebenarnya ialah 'ganjaran' dan bukan 'rawatan'. Hukuman sama juga seperti rawatan ianya boleh mengujudkan kesan kepada pembentukan perlakuan pada masa hadapan.

Kebenaran kenyataan di atas dapat diperkuatkkan lagi dengan melihat petikan di bawah,

"In correctional practice, treatment and punishment generally coexist and cannot appropriately be viewed as mutually exclusive. Correctional activities (treatment) are undertaken in setting established as places of punishment, no matter whether it is imposed by physical confinement (jail or prison) or by surveillance of movement in the community (probation parole)"¹⁰

¹⁰ James Robinson and Gerald Smith, *The Effectiveness of Correctional Programs*, dalam Rose Giambardis (ed.) *Juvenile Delinquency*, 3rd. edt. N. York, John Wiley and Sons. 1966 hal. 596.

Kesimpulannya apa yang harus difahamkan dengan pemulihan ialah, 'pemulihan adalah matlamat' sementara 'rawatan dan hukuman adalah cara'. Matlamat yang hendak dicapai daripada pemulihan ialah pembentukan perlakuan seseorang pesalah daripada perlakuan yang cenderung untuk melanggar nilai-nilai dan undang-undang kepada perlakuan yang cenderung untuk menaiki nilai dan undang-undang. Kalau dipinjam istilah yang digunakan oleh Trojanowics, arti pemulihan ini adalah lebih tepat jika iaanya dipanggil sebagai 'secondary prevention'.¹¹

Perayaan mengatakan bahawa ia bukanlah kesan sekiranya dapat diturunkan kepada seseorang pesalah, malainnya pun ia dapat memberi perlakuan sebaik sahaja ia bertemu 'keadaan' yang berlaku pada pesalah.

Malain itu ia juga perlu memberi pelbagai bentuk perlakuan yang dapat membantu dalam memperbaiki keadaan pesalah, misalnya mengajar dan memberi bantuan teknikal dan teknologi untuk mendekati keadaan pesalah.

Guru berasa bahawa hal ini merupakan kunci penting dalam mencapai tujuan-tujuan perlakuan yang dia mendakwa akan berikan. Akhirnya Trojanaowics mengingatkan, "Wajib diingatlah dia di berasa mengaruh sangat besar sekali".

¹¹ Trojanowics, op. cit. hal. 213

BAB II

TEORI KENAKALAN DAN PEMULIHAN

2.1 Pendahuluan

Masalah jenayah dan penjenayahannya bukanlah merupakan satu fenomena sosial yang baru. Telah berbagai-bagai teori dicipta untuk mencari jawapan kepada persoalan ini dan telah berbagai-bagai cara digunakan untuk mengawal dan mengatasi masalah sosial yang rumit ini.

Secara umumnya teori-teori yang berkaitan dengan pelencongan dapat dibahagikan kepada dua kategori; pertama, teori-teori yang berdasarkan kepada pendekatan saikologi dan; kedua, teori-teori yang berdasarkan pendekatan sosiologi.

Walau bagaimanapun pembahagian ini bukanlah satu pembahagian yang tegas dan mutlak. Dalam setengah-setengah keadaan ahli-ahli sosiologi sebenarnya adalah lebih saikologi dari ahli-ahli saikologi sendiri begitulah sebaliknya.

Oleh kerana kajian ini berdasarkan kepada pendekatan sosiologikal maka teori-teori pelencongan yang akan dibincangkan nanti juga akan didasarkan kepada teori-teori sosiologikal. Teori saikologi akan dibincangkan secara umum sahaja.

(a) Teori Saikologi

Ahli-ahli saikologi mengandaikan pesalah-pesalah adalah

terdiri daripada individu-individu yang menghadapi sejenis penyakit psikologi. Penyakit itu boleh jadi genetically inferiority seperti yang diasaskan oleh Darwin atau emotional inferiority seperti yang diasaskan oleh Freud.¹²

Teori psychomalytic Freud pada asasnya berkisar di sekitar latarbelakang pengalaman perhubungan yang tegang di antara pesalah dengan orang-orang yang dapat dengannya.

Dalam menerangkan kesakalan budak-budak perhubungan yang tegang ini terjadi di antara budak-budak dengan penjaga atau keluarga mereka.

Perhubungan kekeluargaan yang tidak baik seperti ibu bapa yang kerap bergaduh, layanan terhadap anak-anak secara pilih kasih dan tidak mendapat kasih sayang yang sempurna, menyebabkan seseorang budak mengalami konflik dalam seperti marah, cemburu, rasa tidak selamat dan sebagainya.

Apabila konflik ini tidak dapat dikawal, maka budak yang berkenaan akan memanifestasikan konflik itu ke dalam alam nyata melalui tindakan-tindakan yang bertentangan dengan nilai-nilai atau norma-norma masyarakat.

(b) Teori-teori sociologi - kesakalan

Di sini penulis hanya mengambil sebahagian sahaja daripada

¹² Basm, op. cit. hal. 36-37.

teori-teori sosiologi yang dianggap sesuai untuk dijadikan bahan analisa sebab-sebab kenakalan remaja. Teori, teori itu ialah, teori struktur sosial oleh Merton,¹³ teori Keberlininan Campuran oleh Sutherland¹⁴ teori Budaya-Kocil Remaja Nekal oleh Cohen¹⁵ dan, teori kawalan oleh Reckless¹⁶ teori stigma oleh Lemert.¹⁷

Teori yang dikemukakan oleh Merton sebenarnya adalah merupakan lanjutan kepada teori Anomie oleh Durkheim.¹⁸ Menurut Merton, kecacatan sosial sebenarnya adalah berasal daripada konflik di antara hasrat budaya dan jalinan-jalinan institusi untuk mencapai matlamat.

Maksudnya, apabila semua ahli-ahli masyarakat telah menerima satu-satu matlamat sebagai tujuan terakhir, anggota-anggota yang tidak memiliki keupayaan atau kekurangan, misalnya pelajaran, kebiasaan bekerja yang betul dan perlakuan yang beradab tentulah tidak akan berjaya mencapai matlamat itu. Sebagai tindak balas mereka akan menggunakan cara-cara yang tidak sah untuk mencapai matlamat.

¹³ Robert K. Merton, Social Structure and Anomie, dalam Marvin E. Wolfgang The Sociology of Crime and Delinquency, 2nd edt. N. York, John Wiley and Sons, Inc. 1970, hal. 238-247.

¹⁴ Edwin H. Sutherland, Differential Association, dalam Ibid, hal. 208-211.

¹⁵ Albert K. Cohen, The Delinquent Subculture, dalam ibid, hal. 286-292.

¹⁶ Walter C. Reckless, Containment Theory, dalam ibid, hal. 401-405.

¹⁷ Edwin H. Lemert, Human Deviance, social problem and social control. Prentice-Hall, Inc. 2nd edt. 1972.

¹⁸ Anomie, 'Suicide', Durkheim Emile, Suicide III, The Free Press, 1951.

Selanjutnya teori Merton ini telah diperkembangkan oleh Gloward, di mana beliau telah menambahkan satu tahap lagi dalam teori ini, menurut beliau pengarahan terhadap pengambilan cara-cara yang tidak sah adalah bergantung kepada arah perkembangan tekanan dan sistem nilai, terutama 'tegahan dasman' dalam mana ianya mempunyai pengaruh terhadap penggunaan berbagai-bagai cara yang tidak sah.

Menurut teori Cohen, kesakalan remaja adalah disebabkan oleh masalah pencapaian status di kalangan remaja. Setengah-setengah remaja dinafikan statusnya di dalam masyarakat yang dihormati di sebabkan mereka tidak berkemampuan untuk mencapai status berdasarkan kriteria status yang diamalkan oleh masyarakat yang dihormati.

Penafian ini mengakibatkan mereka merasai yang diri mereka dianayai, kecil hati, marah dendam dan sebagainya yang membentuk tekanan emosi.

Untuk mengatasi masalah ini, remaja yang berkemas akan memasukkan diri mereka atau membentuk seta budaya-kecil yang baru yang mempunyai kriteria pencapaian status yang berbeza iaitu kriteria yang boleh mereka capai, kriteria-kriteria ini lazimnya kriteria-kriteria yang negatif.

Menurut teori 'Keberlainan Campuran' pula, perlakuan jenayah adalah dipelajari, terutamanya dari segi teknik, arah, motif dan tujuan.

Proses pembelajaran ini berlaku dengan lebih cepat dan berkesan dalam kumpulan-kumpulan yang kecil dan mempunyai hubungan yang rapat dengan pesalah, umpannya kawan-kawan, kumpulan sebaya, jiran dan juga keluarga.

Berbeza dengan Teori Containment yang dikesukakan oleh Reckless, menurut Reckless individu yang menyelaweng daripada norma-norma sosial dan undang-undang dalam satu-satu struktur sosial adalah disebabkan oleh kawalan yang lemah pada diri individu itu.

Reckless telah membahagikan kawalan itu kepada dua jenis; pertama 'kawalan luaran' dan kedua 'kawalan dalaman'. Kawalan luaran adalah yang berkaitan dengan sanction luaran seperti undang-undang. Sementara 'kawalan dalaman' pula lebih berkaitan dengan diri individu itu sendiri seperti imej yang baik dalam hubungan dengan orang lain, kesedaran terhadap tujuan hidup, darjah kesabaran yang tinggi, pegangan moral serta keugeman yang kuat, dan kekuatan ego dan superego pada diri seseorang.

Individu yang melakukan kesalahan ialah individu yang lemah kawalan dalamanya dan juga individu yang kurang menerima sanction luaran seperti teguhan daripada keluarga.

Bagi Lenert pula, perlakuan yang menyelaweng sebenarnya adalah merupakan ciptaan masyarakat. Untuk menerangkan hypothesis ini beliau telah membahagikan penyelaweng kepada dua⁵ pertama apa yang dipanggilnya sebagai primary deviance dan yang kedua apa yang dipanggilnya sebagai secondary deviance.

Apabila seseorang individu melakukan kesalahan pada kali yang pertama, kesalahan-kesalahan yang pertama itu dipanggil sebagai primary deviance.

Primary deviance tidak akan menjadi secondary deviance sekiranya sancion yang ringan yang dikenakan pada primary deviance berjaya mengembalikan individu itu kepangkal jalan. Sebaliknya jika sancion itu gagal mengembalikan individu itu kepangkal jalan dan individu itu melakukan kesalahan yang kedua dan dia dikenakan sancion yang lebih berat dengan menganggap individu itu sebagai orang luar dan menjadikannya perlakuan yang menyeleweng darinya maka individu itu akan sampai ketahap 'secondary deviance' iaitu tahap 'deviance' mengikut pengertian Lemert.

Teori-teori sociologikal yang telah dijelaskan di atas secara umumnya dapat diletakkan kepada dua sub kategori, kategori yang pertama ialah sosial makro, teori-teori yang tergulung di dalamnya ialah teori Merton, dan teori Cohen. Sementara kategori yang kedua ialah sosial mikro, teori-teori yang tergulung di dalamnya ialah teori Reckless, teori Sutherland dan teori Lemert.

2.2 Teori-Teori Pemulihian

Sama seperti teori-teori deviance, teori pemulihian juga dapat dibahagikan kepada beberapa kategori berdasarkan beberapa pendekatan pemulihian yang berbeza-beza.

Secara umum pendekatan terhadap pemulihian dapat di-

bahagikan kepada 2 kategori, pertama pendekatan 'doraan' dan kedua pendekatan 'campur tangan'. Pendekatan campur tangan dapat dibahagikan kepada dua sub kategori, pertama pendekatan klinikal dan kedua pendekatan sosiologi hal. Setiap pendekatan mempunyai orientasi andaian yang tersendiri menganai perlakuan manusia.¹⁹

(a) Doraan

Dari segi sejarah 'doraan' adalah merupakan pendekatan yang tertua pernah dan masih digunakan oleh manusia untuk mengawal dan melindungi masyarakat daripada aktiviti-aktiviti yang berbentuk jenayah. Sejak mula pendekatan ini digunakan pendekatan ini telah mengalami 3 peringkat perkembangan teori, pertama teori retribution; kedua, teori deterrence, dan ketiga, teori reformation.²⁰

Teori retribution ialah teori klasik dalam pinalitan doraan, teori ini didasarkan kepada doktrin psychological hedonism,²¹ iaitu satu doktrin yang mengandaikan manusia sebagai bertanggungjawab ke atas segala bentuk perlakuanannya.

Berdasarkan kepada doktrin ini, sesiapa yang didapati bersalah melanggar norma-norma masyarakat yang dianggotainya maka si pesalah hendaklah dikenakan balasan (doraan) yang 'setimpal' dengan kesalahan yang telah dilakukannya. Kesalahan yang dilakukan itu dianggap sebagai satu hutang kepada masyarakat yang mestilah dibayar dengan denda.

²⁰ W.T. McGrath, Crime and the correctional services, dalam McGrath W.T., Crime and Its Treatment in Canada The Macmillan Com. of Canada Ltd. 1965 - hal. 6-9.

²¹ Sutherland, op. cit. hal.

Pendekatan deraan kemudiannya telah diperbaharui dengan mengandaikan deraan sebagai satu deterrence. Morris²² telah membagikan deterrence kepada dua bentuk yang mempunyai fungsi yang berbeza. Pertama, special deterrence dan yang kedua, general deterrence.

Special deterrence bertujuan untuk memberi pengajaran kepada pesalah supaya tidak melakukan kesalahan ulangan di masa-masa akan datang. Pesalah yang telah dihukum diandaikan akan sentiasa mengingati kepada siksaan yang telah dialaminya akibat daripada kesalahan yang telah dilakukannya. Rasionalnya, sama seperti seorang budak yang menengah bara api, akibatnya dia mendapat kecederaan di tangan, pengalaman pertama ini mengingatkan dia supaya berjaga-jaga dengan bara api dan tidak mahu mengulangi lagi perbuatannya yang telah terlanjur itu.

General deterrence pula bertujuan untuk mencegah orang-orang lain daripada melakukan kesalahan. Dengan mengenakan deraan terhadap pesalah ini dia diandaikan akan dapat menakutkan orang lain daripada mengikuti langkah si pesalah yang telah dihukum. Dengan lain perkataan general deterrence adalah merupakan satu mekanisma untuk menggerakkan orang lain supaya conform kepada nilai-nilai masyarakat dan undang-undang negara yang dianggotainya.

Teori yang ketiga mengenai 'deraan' ialah reformation

²² Norval Morris, dan F. Zimring "Deterrence and Correction dalam The Annals, Vol. 361, Jan. 1969, hal. 137-146.

Menurut teori ini, fungsi kehakiman dan 'proses pasbotulan' ialah berusaha untuk mengembalikan pesalah kepada kehidupan normal dan mematuhi undang-undang, dengan seberapa segera. Teori ini mengandaikan matlamat asas di dalam proses ini ialah untuk memberi perlindungan kepada awan daripada gangguan aktiviti-aktiviti yang tidak sah dari segi undang-undang. Cara yang berkesan untuk mencapai matlamat ini ialah melalui proses pemulihan si pesalah. Tanpa pemulihan ia tidak akan bermakna kerana si pesalah akan terus melakukan kesalahan.

Jenis-jenis hukuman yang dikenakan terhadap seseorang pesalah adalah berbeza di antara satu sama lain. Perbezaan ini boleh dilihat dari segi jangka masa, tempat dan jenis kesalahan yang dilakukan.

Dulu sanaan purba hukuman yang dikenakan lebih berbentuk sifcaan fizikal seperti dipotong telinga dicungkil mata dan seumpamanya. Selepas Revolusi Perancis hukuman yang digunakan lebih berbentuk 'kemanusian' misalnya dikenakan denda atau diberi amaran. Capital Punishment seperti sebat, hukuman mati atau dipenjara seumur hidup kurang digunakan kecuali untuk kesalahan-kesalahan yang terlalu serious seperti membunuh, atau merogol.

(b) Teori Rawatan Berdasarkan Pendekatan Saikologi

Seperi seorang 'pesakit hayat' yang menggunakan pendekatan klinikal, pesalah-pesalah, initu individu-individu yang diandaikan sebagai malfunctioning juga memerlukan rawatan yang berbentuk klinikal untuk menghilangkan simptom yang telah menyebabkan

malfunctioning itu. Justru itu kejayaan pendekatan klinikal adalah sangat bergantung kepada diagnostic appraisal dan juga kepakaran pakar-pakar rawatan.²³

Walaupun ahli-ahli saikologi berpendapat tentang perlunya dititik beratkan rawatan yang berdasarkan 'individual approach' tetapi pada realitinya mereka masih bertentangan pendapat terhadap jenis rawatan saikologi yang paling berkesan untuk merawat pesakit.²⁴

1. Psychotherapy

Psychotherapy ialah satu metode rawatan yang menggunakan cara-cara saikologi untuk merawat pesakit-pesakit yang mengalami masalah emosi dan masalah siasah. Matlamatnya yang utama ialah, menghapuskan symptom atau pola-pola perlakuan-perlakuan yang telah menyebabkan pesakit berkeadaan dysfunctional behaviour ialah transference iaitu satu proses pengarahan perasaan oleh pesakit kepada perawatnya. Melalui proses ini pakar rawatan yang juga dikenali sebagai 'social doctor' akan mendapat gambaran mengenai, perasaan, sikap dan pemikiran pesakit dalam kontek perhubungannya dengan orang-orang lain.

Daripada pengalaman yang lepas pakar rawatan yang menggunakan metode ini telah mendapati sebahagian besar daripada pesakit khususnya remaja-remaja adalah terdiri daripada mereka

²³ Bean, op. cit., hal 36-38

²⁴ Trojanowics, op. cit., hal. 265. (Trojanowics telah menguraikan sebanyak 18 teknik rawatan saikologi tetapi penulis hanya turunkan 3 sahaja, lihat hal. 263-302.)

yang mempunyai pengalaman perhubungan kekeluargaan yang tidak baik.

Perhubungan kekeluargaan yang tidak baik ini menyebabkan perkembangan emosi dan mental mereka terbantut yang akhirnya menyebabkan mereka berkelakuan menentang nilai-nilai masyarakat di mana melalui penentangan ini membolehkan mereka memasukan kehendak-kehendak emosi yang tidak dapat diperolehi melalui tindakan-tindakan yang normal.

Supaya dapat dilenyapkan persepsi negatif pesakit terhadap orang-orang yang berlaku kasar terhadap mereka, pesakit hendaklah ditempatkan di suatu tempat yang mempunyai atmosphere yang harmoni dan menyakinkan.

Dengan adanya suasana yang seumpama ini mereka dapat mempelajari dan menggerakkan diri mereka ke arah pembentukan jalinan perhubungan yang baik dengan orang-orang lain dan seterusnya memuyuk kepercayaan bahawa tidak semua orang dewasa bersikap sama seperti sikap yang ditunjukkan oleh penjaga mereka.

Melalui cara ini, secara beransur-ansur mereka akan membina sikap dan perlakuan yang positif terhadap nilai-nilai masyarakat dan dalam masa yang sama mengikis perlakuan-perlakuan sikap dan pola perlakuan yang negatif.

II. Reality Therapy

Berbeza dengan Psychotherapy, Reality Therapy tidak memperhitungkan kepada peritara-perkara yang telah lepas. Apa

yang penting di dalam teknik Reality Therapy ialah menyelesaikan masalah-masalah semasa.

Teknik ini mengandaikan setiap manusia mempunyai kehendak-kehendak asasnya yang tersendiri. Apabila mereka gagal untuk mencapai kehendak-kehendak asas itu, mereka akan mengambil tindakan-tindakan yang tidak bertanggongjawab sebagai suatu alternatif untuk memuaskan hatinya.

Satu-satunya cara yang memungkinkan seseorang itu merasai bahawa dia mempunyai harga diri dan seterusnya boleh mencapai kehendak-kehendak asasnya ialah dengan berkelakuan baik. Seorang ahli Therapy yang menggunakan teknik Reality Therapy hendaklah mengajudikan perhubungan yang positif dengan 'pelanggan'²⁵ bagi mencapai matlamat di atas.

Dalam kontek remaja nakal, seseorang ahli theraphy mestilah melayan pelanggannya dengan baik, menghormati dirinya dan menganggap mereka sebagai seorang individu yang bertanggongjawab dan seterusnya mengharapkan supaya mereka berkelakuan baik. Transissi ini akan dapat memberikan keyakinan kepada mereka dan keyakinan ini adalah merupakan satu katalis kepada pembentukan pola-pola perlakuan yang positif.

Seorang ahli therapy mestilah seorang yang amanah. Dapat diharapkan supaya menariki umang-umang seberapa yang dia

²⁵ Reality Therapy tidak menganggap pesalah sebagai pesakit sepertimana yang dilakukan oleh teknik Psychotherapy.

boleh tetapi dimaafkan jika dia melanggarinya bunt pertama kali. Seorang ahli therapy mestilah mengelakkan daripada mengemukakan soalan-soalan yang bertujuan untuk mengetahui mengapa pesalah telah terlibat dengan aktiviti-aktiviti anti-sosial. Soalan-soalan yang harus dikemukakan hendaklah berkisar kepada masalah-masalah senasa yang dihadapi oleh 'pelanggan'.

(c) Teori Pemulihian yang berdasarkan kepada pendekatan Sosiologi

Seportiona yang telah dijelaskan dibahagian awal bab ini, ahli-ahli sosiologi berpendapat bahawa konflik remaja bukanlah berasal daripada konflik dalaman yang diakibatkan oleh perhubungan keluargaan yang tidak baik, tetapi ianya adalah merupakan masalah sosial seperti masalah pencapaian status dan masalah pencapaian matlamat-matlamat ekonomi.

Teori-teori dan hipotesis-hipotesis sosiologi secara umumnya telah banyak mempengaruhi beberapa polisi pemulihan seperti pengawasan akhlak dan parole untuk latihan ilmiah ini penulis akan memurunkan 3 teori dan analisis sosiologi mengenai pemulihan, yang mana ketiga-tiga ini diharapkan akan dapat memberikan perspektif yang lebih luas kepada proses pemulihan yang berdasarkan kepada pendekatan pemulihan.

(1) Analisa Pemulihian didasarkan kepada Provo

Experiment.²⁶

Berdasarkan kepada 'ujian Provo', program-program pemulihan hendaklah diarahkan kepada pencapaian 3 matlamat yang utama:

1. Menyediakan cara-cara yang conventional dan menjelaskan alternatif yang harus dipilih oleh remaja-remaja untuk mencapai matlamat-matlamat kesosyalan
2. Memberitahukan remaja bortanya apabila kemudahan-kemudahan yang terbaik (*ultimate utility*)
3. Membantu mereka melihat secara positif dan objektif alternatif-alternatif yang conventional.

Berdasarkan kepada premises teoritikal ini Espey dan Jerome Rabow telah mengemukakan 10 anjuran pemulihan seperti berikut:

1. Oleh kerana kenakalan pada asasnya berpunca daripada kumpulan, maka rawatan yang diperlukan hendaklah rawatan yang bukan berdasarkan pendekatan yang menganggap kenakalan adalah berpunca daripada sejenis **penyakit** saikologi. Tegasnya budak-budak yang nalar adalah terdiri daripada mereka yang tersalah bimbing '*misguided*'.
2. Program pemulihan yang berkesan hendaklah terlebih dahulu mengesan apakah intrinsic nature yang terdapat pada seseorang

²⁶ In Mar T. Espey and Jerome Rabow, 'Delinquency Rehabilitation', dalam McDougal, Social Problems: Persistent Challenges. Holt, Rinehart and Winston, Inc., 1965, hal. 561-575.

budak yang mana intrinsic nature itu adalah merupakan sebahagian daripada 'delinquent system'.

3. Oleh kerana 'intrinsic nature' itu merupakan satuan ideologi yang dipersembahkan kepada Delinquent System maka sebelum perubahan dapat dijalankan mereka hendaklah disedarkan apakah kemudahan yang tertinggi (ultimate utility) yang boleh diperolehinya daripada sistem itu.

4. Pesalah hendaklah dipaksa untuk berhadapan dengan konflik di antara 'delinquent system' dengan 'correctional system'. Untuk membolehkan mereka membukt penilaian di antara dua sistem ini, cara yang realistik dan berkesan ialah dengan membenarkan mereka terus mengambil bahagian dalam kehidupan masyarakat luar disamping menjalani rawatan di institusi pemulihian.

5. Pemulihan hendaklah dilakukan dalam suasana yang conclusive untuk membolehkan mereka melaftaskan perasaan mereka kepada kakitangan pemulihian. Suasana yang conclusive ini dapat diujurkan dengan pengawasan dan ganjaran dan tidak hukuman. Hanya dengan cara ini mereka akan mempelajari mengapa orang-orang lain mengambil jalan-jalan yang 'conventional' dan tidak yang sebaliknya.

6. Program pemulihan yang berkesan hendaklah mengembangkan sistem sosial yang sama dan cohesive untuk kedua-dua pihak, pihak berkuasa dan budi-budak. Dalam hal ini program pemulihan konakalan mengelakkan daripada dua porangkap:

- (i) Mengelakkan pihak berkuasa sebagai rejector yang mana jika keadaan ini terjadi tidak boleh dielewahkan akan ujud dua sistem sosial dalam satu program pemulihan
- (ii) Mengelakkan daripada 'penginstitusian' cara-cara yang membolehkan seseorang budak nakal yang cekap bebas daripada sanction kerana keterlibatan mereka melanggar undang-undang/peraturan-peraturan semasa di institusi pemulihan.

7. Sistem rawatan akan menjadi lebih berkesan sekiranya kawan sepermainan dapat digunakan sebagai alat untuk mengawal norma-norma dalam sistem pemulihan melalui sanction kumpulan.

8. Mengubah reference group dan 'normative orientation' serta menyediakan peluang-peluang untuk pencapaian matlamat dan seterusnya menerima norma-norma yang conventional.

9. Sistem rawatan yang berkesan juga hendaklah memasukkan ganjaran sebagai satu kaedah dalam pemulihan. Ganjaran itu hendaklah yang benar-benar memberi makna kepada mereka, misalnya diterima sebagai satu ahli dalam satu-satu kumpulan sepermainan, atau diberi peluang mendapatkan pekerjaan, ganjaran-ganjaran seperti peluang menonton wayang, pesberian lencana dan sebagainya hendaklah jangan dijadikan sebagai ganjaran kerana perkara-perkara

seperti ini sebenarnya adalah merupakan hal yang harus mereka terima.

10. Andaian yang terakhir dalam sistem pemulihan ialah penilaian kejayaan program pemulihan yang telah diberikan kepada seseorang budak. Penilaian ini hendaklah dilakukan sendiri oleh budak melalui kacamatanya sendiri. Penilaian itu termasuklah:

- (i) iklim sosial yang telah dialaminya semasa di institusi pemulihan untuk memilih alternatif di antara perlakuan yang nakal dengan perlakuan yang tidak nakal.
- (ii) peluang untuk mendedahkan secara umum kepada rakan-rakannya dan pihak berkuasa berhubung dengan kepercayaan (percaya atau tidak percaya) mereka terhadap faedah-faedah yang boleh diperolehnya daripada perubahan nilai yang telah dialaminya
- (iii) kebenaran untuk menilai 'peranan' dan 'kesahan' pihak berkuasa dalam sistem rawatan
- (iv) untuk memberi penilaian penglibatannya di dalam kumpulan sebaya - adakah ianya disebabkan oleh kejayaan di dalam menyertai interaksi di dalam kumpulan itu ataupun disebabkan oleh kemahuannya sendiri untuk melibatkan diri ke dalam kumpulan yang dimasukinya.

II. Applikasi Teori Keberlainan Campuran²⁷

Teori ini sebenarnya masih belum diuji akan kebaikannya. Tujuan ianya diperturunkan di sini adalah dengan harapan supaya ianya dapat memberikan gambaran yang lebih luas terhadap proses pemulihan akhlak yang boleh dilaksanakan, berdasarkan kepada pendekatan sosiologikal.

Menurut teori ini langkah pertama yang perlu diambil oleh pekerja-pekerja sosial untuk memulih penjenayah-penjenayah ialah dengan menyediakan sekumpulan kecil kumpulan anti jenayah yang mempunyai tujuan khusus untuk memulihkan penjenayah kepada bukan penjenayah. Apabila sebahagian kecil daripada penjenayah-penjenayah telah berjaya diubah sikap, motif dan rasionalisasinya, mereka yang kecil ini kemudian berkomungkinan pula untuk mempengaruhi sikap, motif dan rasionalisasi rakan-rakan mereka yang lain.

Enam prinsip di bawah akan dapat menjelaskan perkembangan teori ini:

1. Pesalah hendaklah diassimilasikan ke dalam satu kumpulan yang menitik-beratkan nilai-nilai conclusive untuk mematohi undang-undang. Satu kumpulan

²⁷ Donald R. Cressey, 'The Application of the Theory of Differential Association, Giallombardo, op. cit., hal. 487-491.

yang mempunyai common goal hendaklah
disediakan.

2. Barjah common goal akan menentukan darjah pencapaian matlamat. Kumpulan khusus ini hendaklah dibesarkan dengan kumpulan yang mempunyai matlamat rekarasi.
3. Reformer (kumpulan khas) hendaklah mengajudkan perhubungan yang mesra dengan penjenayah. Kemesraan adalah asas kepada perasaan 'kekitaan'. Untuk ini reformer mestilah memastikan yang dirinya tidak dipandang sebagai seorang pekerja sosial, pegawai akhlak atau lain-lain jenis kakitangan posulihan.
4. Penjenayah-penjenayah yang telah masuk ke dalam kumpulan ini hendaklah di gerakkan ke arah pencapaian satu status kumpulan.
5. Matlamat seterusnya ialah mengubah individu penjenayah yang lain. Cara yang paling berkesan ialah melalui proses retroflextive reformation. Contohnya, jika B hendak diubah cara yang berkesan ialah mempengaruhi A terlebih dahulu. (A dan B punya hubungan rapat). Apabila

A telah mempunyai bersama nilai-nilai anti jenayah menerima common purpose kumpulan khusus, serta mempunyai status kumpulan yang baru maka A berpotensi untuk mempengaruhi si B supaya mengikuti jejak langkahnya.

6. Matlamat yang akhir ialah mengubah kumpulan jenayah seluruhnya. Kumpulan jenayah hendaklah dibuktikan tentang perlunya perubahan. Pada peringkat ini sumber perubahan adalah terletak kepada kumpulan pro-jenayah itu sendiri. Masalahnya bagaimanakah sikap yang pro-jenayah itu dapat diubah kepada sikap yang pro-perubahan. Perubahan di dalam budaya di dalam budaya kecil adalah penting supaya orang yang hendak diubah tidak mempunyai dua set sikap dan perlakuan; pertama, perwatakan agen pemulihian dan; kedua perwatan budaya kecil.

Untuk membawa perubahan dalam budaya kecil adalah tidak mungkin ianya boleh dicapai melalui cara-cara seperti psychotherapy, pelajaran atau kounseling. Cara yang berkesan ialah melalui pujudkan dan menjalin kerjasama dengan penjenayah-penjenayah tertentu yang

boleh dianggap sebagai 'right guy' di dalam satu-satu institusi pemulihan. Right guy ini ialah penjenayah-penjenayah yang menampakkan tanda-tanda murah hati terhadap nilai-nilai anti jenayah pada sikap dan perlakuan.

2.3 Cara-Cara Pemulihan

Secara umumnya cara-cara pemulihan yang dijalankan dapat diletakkan ke dalam dua kategori umum; pertama, pemulihan yang dijalankan pada peringkat institusi dan; kedua, pemulihan yang dijalankan pada peringkat komuniti (community base treatment). Pemulihan pada peringkat institusi pula boleh dibahagikan kepada dua sub kategori; pertama, yang menggunakan pendekatan rawatan, sementara yang; kedua pula lebih menekankan pendekatan custodial.

Untuk maksud latihan ilmiah ini, penulis hanya akan membicarakan sebahagian sahaja daripada cara-cara pemulihan. Pemilihan ini didasarkan kepada cara-cara pemulihan yang terdapat di Malaysia. Cara-cara pemulihan itu ialah, pengawasan akhlak dan seliaan iaitu pemulihan di bawah kategori community base treatment dan, sekolah akhlak serta asrama akhlak iaitu di bawah kategori pemulihan dalam institusi.

(a) Pengawasan Akhlak (Probation)

Sama seperti mendefinisikan konakalan remaja, /akhlak juga sukar untuk didefinisikan secara tepat dan menyeluruh.

Pokataan probation adalah berasal daripada bahasa Latin iaitu 'pravo', yang bererti 'prova'. Pesalah diberi peluang kali yang kedua untuk membuktikan kata-katanya. Definasi ini adalah terlalu umum. Ia tidak dapat memberikan gambaran secara tepat pengawasan akhlak dari segi motifnya, falsafahnya dan juga dari segi kaedah yang digunakannya.

Dalam kontek penulihan akhlak remaja-remaja nakal, pengawasan akhlak dapatlah kita definisikan berdasarkan kepada definisi yang dikemukakan oleh Coffey,²⁸

"Probation, as it relates to children, may be defined as a system of treatment for the delinquent child. In many instances, however probation is also used by the juvenile court, for services that must be provided to the abused child. In these case juvenile probation relates more to "delinquent parent" then to the juvenile"

Definasi yang dikemukakan oleh Coffey ini sebenarnya berdasarkan kepada konsep parens patrie seperti mana yang telah dijelaskan maksudnya iaitu, negara bertindak sebagai penjaga.

Berdasarkan definasi ini, pengawasan akhlak secara umumnya mempunyai dua motif utama; pertama, memulihkan akhlak remaja-remaja yang telah didapati melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral;

²⁸ Coffey, op. cit. 165.

kedua, mencegah remaja-remaja yang berpotensi untuk menjadi nakal atau melakukan tindakan-tindakan yang berbentuk penjenayah.

Pegawai Akhlak secara umumnya dibebankan dengan tiga fungsi utama; pengambilan (intake), menyiasat dan menyelia.²⁹

Di peringkat pengambilan, pegawai akhlak akan memastikan semoga pesalah-pesalah yang tidak diletakkan di bawah pengawasan akhlak benar-benar sesuai dengan syarat-syarat pengawasan akhlak.

Lanjutan daripada siasatan pengambilan, pegawai akhlak seterusnya akan melakukan penyiasatan yang lebih mendalam terhadap beberapa aspek penting pada diri pesalah seperti sistem nilainya, keadaan fizikal dan mentalnya, keupayaan intelektual dan emosinya, latarbelakang keluarga pesalah dan juga perhubungan di antara pesalah dengan keluarga dan rakan-rakannya. Hasil daripada social study ini kemudian akan dijadikan sebagai asas kepada keputusan yang akan disambil oleh mahkamah.

Setelah rangka pemulihian yang sah ditentukan, fungsi Pegawai Akhlak yang selanjutnya terletak kepada 3 unsur; 'surveillance' perkhidmatan kerja-kerja kesy dan konseling atau bimbingan. Untuk melaksanakan tiga unsur ini Pegawai Akhlak akan sentiasa berhubung dengan budak-budak yang terletak di bawah pengawasan mereka.³⁰

²⁹ Edward Eldefonso, Control, Treatment, and Rehabilitation of Juvenile Offenders, Benniger Bruce & Glencoe, 1976, hal. 204-206.

³⁰ Ibid, hal. 206.

Di Malaysia, Pegawai Akhlak adalah pegawai-pejawai dan Pegawai Kadet Kebajikan Masyarakat yang dilantik oleh Menteri Kebajikan An di bawah peruntukan seksyen 20 Akta Mahkamah Budak-Budak, 1947. Beberapa pegawai-pejawai ini mempunyai diploma di dalam sains sosial sementara hampir semua pegawai-pejawai kedat adalah dilantik sendiri oleh Kementerian Kebajikan An.

Sebelum tahun 1962, pegawai akhlak ditempatkan di mahkamah-mahkamah untuk melakukan kerja-kerja sosial di mahkamah. Semenjak 1962 tugas dan fungsi pegawai akhlak telah diperluaskan perkhidmatan mereka kepada kerja-kerja yang di bawah awan Kementerian Kebajikan An. Kerja-kerja yang bertambah ini telah menghalang kelincinan perjalanan peranan yang dipertanggungjawab kepada mereka.

Tugas-tugas pegawai akhlak dalam hal budak-budak diperuntukan oleh seksyen 23 Akta Mahkamah Budak-Budak tetapi tugas yang mustahak ialah, menasihat, menolong dan berbaik-baik dengan pesalah. Dalam keadaan-keadaan yang tertentu pegawai akhlak juga terpaksa memberi perkhidmatan kepada keluarga budak seperti menasihat mereka supaya melayani anak mereka dengan baik.

Seksyen yang sama ada menjelaskan, untuk melicinkan kerja-kerja 'pengakhlakan' pegawai-pejawai akhlak adalah perlu bekerjasama dengan agensi-agensi lain yang terlibat dengan budak-budak terutama keluarga budak-budak itu, Mahkamah Budak-Budak dan sekolah-sekolah.

Tanpa kerjasama ini adalah sukar bagi pegawai akhlak menjalankan

tugasnya untuk membuat laporan, memproses dan membimbing budak-budak nakal yang diletakkan di bawah pengawasan mereka.

(b) Seliaan (parole)

Dari satu segi pengawasan akhlak dan seliaan terhadap beberapa ciri persamaan tetapi dari segi yang lain terdapat pula perbezaan-perbezaan yang penting.³¹

Kedua-duanya mempunyai, matlamat, kaedah dan teknik yang sama. Matlamat yang ingin dicapai ialah menyediakan perkhidmatan untuk membolehkan pesalah meletakkan semula diri mereka ke dalam komuniti asal mereka dalam satu jangka masa halusin.

Perbezaan hanya terletak kepada 'kehendak dan kawalan'. Perbezaan ini disebabkan oleh perbezaan jangka masa tahanan yang dikenakan kepada kas-kes seliaan.

Dalam kes pengawasan akhlak 'pesalah' hanya dikenakan tahanan dalam satu jangka masa yang pendek sahaja seperti dimasukkan ke dalam bilik kurungan polis. Penahanan ini menyebabkan mereka mengalami satu gegaran emosi 'terperanjat'. Apabila mereka ini di letakkan di bawah pengawasan akhlak maka mereka akan berhadapan dengan satu semangat baru untuk membuktikan bahawa dia adalah seorang manusia yang baik.

³¹ Miller, "Parole" dalam McGrath, Crime and Its Treatment in Canada, The Macmillan Com. of Canada Ltd. 1965, hal. 327.

Berbeza dengan 'selama' kas-has di bawah seliaan lalih kas-has yang telah terlibat dalam bentuk yang lebih lama semasa ditahan di penjara atau ditahan di institusi-institusi pemulihuan. Secara perbandingan mereka dari golongan ini adalah lebih sukar untuk menyosialisasi diri mereka ke dalam suasana kehidupan berkomuniti apabila mereka 'dibebaskan'. Masalah pertama yang mungkin dihadapi oleh bekas benduan atau bekas penghuni institusi pemulihuan lalih:

"..., among family and friends there is often and idealization of the offender as they last saw him. When the prisoner returns, each may find the other different from what had been imagined; they may indeed have become strangers. Thus there is a very serious problem of interpreting these idealisation in the pre-release work with prisoners in the prisons."³²

Anggapan ini disebabkan oleh terdapatnya seseorang budaya lokal pada diri bekas benduan yang mana budaya local ini adalah berbeza dengan budaya komuniti. Budaya ini seolah budaya yang terdepat dalam penjara. Cara-cara hidup di dalam penjara telah menyebabkan bekas benduan mengelupsi komunitar untuk menyosialiskan dirinya dalam kehidupan berkomuniti.

³² Kirkpatrick, A.H., 'Penal Reform and Corrections', dalam McGrath H.T., *Ibid.*, hal 475.

Salain daripada masalah penyesuaian ini mereka juga ber kemungkinan akan menerima cemohan daripada anggota-anggota lain di dalam komuniti di mana dia diletakkan. Cemohan ini boleh memungkinkan mereka berhadapan dengan ketegangan ancaman, yang mana ini memungkinkan pula mereka itu bertindak di luar garis-garis yang dibenarkan oleh undang-undang dan nilai-nilai komasyarakatan.

Untuk membendung kemungkinan-kemungkinan negatif yang mungkin timbul daripada masalah-masalah ini, pegawai seliaan pada umumnya dibebankan dengan tiga tugas; pertama, merancang langkah-langkah pemindahan daripada institusi; kedua, memberi perkhidmatan seliaan; ketiga, menyiasat hal-hal yang dibangkit oleh budak yang diletakkan di bawah seliaan.³³

Proses untuk melaysukan seseorang ke dalam kes-kes seliaan bermula sejak mereka mula di tahan.³⁴ Kemajuan di dalam tingkah laku adalah merupakan kriteria yang utama digunakan untuk menentukan pemberian taraf seliaan terhadap seseorang penghuni.

Di Malaysia kerja-kerja seliaan adalah juga ditugaskan kepada pegawai-pegawai akhlak. Bagi menyediakan langkah-langkah pemindahan, pegawai akhlak (pegawai seliaan) melakukannya menurusi 3 peringkat, pertama meninjau kelakuan seseorang budak disisi keluarga mereka apabila

³³ Eldefonso, op. cit. hal. 208.

³⁴ Miller, op. cit. hal. 348

mereka diberikan kebenaran untuk pulang bercuti, dan yang kedua meninjau kesanggupan penjaga budak untuk menerima budak pulang ke sisi mereka dan yang ketiga membuat laporan tentang kemajuan budak dalam jangka masa seliaan.

Sekiranya dalam tempoh seliaan didapati budak condong untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang boleh mengganggu ketenteraman masyarakat, pegawai seliaan boleh mencadangkan kepada mahkamah untuk menghantar semula budak ke dalam institusi-institusi pemulihian.

(c) Sekolah-sekolah Akhlak

Di negara ini, sekolah-sekolah akhlak yang juga dikenali dengan nama Approved School, adalah merupakan sekolah-sekolah yang disahkan oleh Menteri (Menteri Kebajikan Am) untuk perkhidmatan kebijakan kanak-kanak atau budak-budak seportirnya yang diketahui oleh Ordinan Mahkamah Budak-Budak 1947.

Fungsi sekolah ini ialah untuk menyediakan penahanan, pelajaran, latihan dan seterusnya pemulihian ke atas pesalah-pesalah remaja dan juga kepada budak-budak yang difikirkan perlu oleh Mahkamah Budak-Budak supaya mereka diberikan perlindungan, pengawasan dan bimbingan. Dengan lain perkataan tujuan utama didirikan sekolah akhlak ialah:

"To enable juvenile offenders committed
to come to lead useful life on release
by developing their character, capacities

and sense of personal responsibilities".³⁵

Pada lazimnya budak-budak yang dihantar ke sekolah-sekolah akhlak adalah terdiri daripada mereka yang telah didapati gagal dipulihkan melalui cara-cara lain. Budak-budak yang berkenaan ini hanya boleh dihantar ke sekolah-sekolah akhlak dengan perintah mahkamah sahaja. Mereka yang berumur bawah 10 tahun tidak dihantar ke sekolah-sekolah akhlak kecuali dengan sebab-sebab tertentu.³⁶

Di Malaysia terdapat 6 buah sekolah-sekolah akhlak di bawah pentadbiran Kementerian Kebajikan Am. Lima buah untuk budak-budak laki-laki dan sebuah untuk budak-budak perempuan. Sekolah-sekolah itu ialah:

- (a) Sekolah Seliaan Telok Air Tawar, Butterworth, Pulau Pinang, untuk 120 orang budak laki-laki berumur di antara 10 hingga 13 tahun.
- (b) Sekolah Laki-Laki Taiping, Perak, untuk 120 orang budak laki-laki berumur di antara 13 hingga 15 tahun.
- (c) Sekolah Laki-Laki, Sungai Besi, Selangor untuk 130 orang budak laki-laki berumur antara 15 hingga 18 tahun.

³⁵ Kementerian Kebajikan Am Malaysia, Anggaran Belanjawan 1976, hal. E. I.

³⁶ Akta Mahkamah Budak-Budak 1947, Seksyen 12(1)(f)

- (d) Sekolah Perempuan Sungai Lereh, Melaka untuk 120 orang budak-budak perempuan antara 10 hingga 17 tahun.
- (e) Sekolah Akhlak Kuoing, Sarawak, untuk 60 orang budak-budak laki-laki berusur antara 8 hingga 17 tahun.
- (f) Sekolah Laki-Laki Jerantut, Pahang.

Tiap-tiap sekolah mempunyai satu majlis yang dipanggil Majlis Lembaga Pelawat. Ahli-ahli Lembaga Pelawat adalah dilantik oleh Menteri Kebajikan An. Dua daripada Ahli Lembaga Pelawat hendak wanita bagi sekolah-sekolah laki-laki dan dua laki-laki bagi sekolah-sekolah perempuan. Ahli Lembaga Pelawat adalah bertanggungjawab untuk memastikan kelincinan pentadbiran sekolah dan mengelakkan disiplin yang baik.

Tempoh jangka masa penahanan seseorang budak sekurang-kurangnya 1 tahun & bulan tetapi tidak melebihi tiga tahun dari tarikh kuatkuasa perentah. Sungguhpun begitu, tempoh tahanan adalah terpalang kepada kesajuan mereka di sekolah mereka di tempatkan, sekiranya Ahli Lembaga Pelawat bermas hati, budak itu bolehlah dibebaskan dalam cubaan berlesen. Budak-budak yang dibebaskan secara berlesen diletakkan di bawah seliaan pegawai-pegawai akhlak sehingga tamat tempoh cubaan lesen.

D) Arsrama Tahansentara

Berbesa dengan sekolah akhlak, rumah atau arsrama tahansentara bertujuan untuk menyediakan tempat tahanan sementara bagi budak-budak yang telah dihadapkan ke mahkamah.³⁷

Di negara ini terdapat 9 buah arsrama yang seumpama ini, lapan buah dikhususkan untuk budak laki-laki dan sebuah untuk budak-budak perempuan.³⁸ Oleh kerana dasar arsrama ini lebih berorientasi tahanan maka pada umnya arsrama-arsrama ini tidaklah dibekalkan dengan kekitangan yang mencukupi untuk makmum perlindungan. Kawasan sekitarnya dipagar dan pintunya sentiasa berjungkol.

Budak-budak yang dimasukkan ke institusi dapat dibahagikan kepada empat kategori. Kategori pertama, terdiri daripada budak-budak yang sedang menjalani proses pembicaraan mengikut istilah undang-undang mereka ini dipanggil sebagai respond case. Mereka ditahan untuk mencapai dua tujuan, pertama, bagi memastikan mereka akan hadir ke mahkamah apabila sempai masa perbicaraan dan kedua bagi memudahkan pegawai-pegawai akhlak menyediakan laporan yang berkaitan dengan latarbelakang budak untuk dijadikan dasar keputusan yang akan diambil oleh mahkamah. Walaupun bagaimanapun tidaklah semua budak-budak yang dalam proses pembicaraan dimasukkan

³⁷ Tappan Paul W., *Juvenile Delinquency*, McGraw-Hill Book Co. Inc. 1949, hal 412.

³⁸ Lihat lampiran I.

ke institusi ini, ketentuan ini adalah bergantung kepada dua sebab,

"Reward is the easiest and leastest device available to ensure attendance of the child at court. In some instances it is justified as a mean to protect the community from serious offenders, psychopaths, or where, for any sufficient reason, the alleged delinquent cannot left either at his home or with relatives".³⁹

Kategori yang kedua pula ialah, penahanan sementara untuk buah-buah yang telah diperintah oleh mahkamah supaya dimasukkannya ke sekolah-sekolah akhirat, kategori ini dipenggil sebagai kas dalam peninjauan (transient case). Penahanan sementara ini perlu sementara seorang lembaga tempat di sekolah-sekolah akhirat yang telah diperintahkan. Laporan mengenai perkiraan buah-buah di institusi ini juga akan dilakukan. Laporan ini akan dibawa bersamaan apabila buah-buah dimasukkan ke sekolah-sekolah akhirat yang berkenaan.

Kategori buah-buah yang ketiga ialah buah-buah yang telah dibebaskan oleh sekolah-sekolah akhirat tetapi masih

³⁹ Sappan, *Ibid.*, hal. 186.

dalam peringkat percubaan. Walaupun **baganiananpun tidak semua budak-budak yang dalam cubaan lesen disyaratkan untuk ditahan di institusi ini.** Budak-budak yang dalam cubaan lesen yang dimasukkan ke institusi ini adalah terdiri daripada budak-budak yang didapati tidak mempunyai "persediaan" untuk hidup secara bebas dalam masyarakat luas. Misalnya keadaan keluarga yang tidak setabil, tidak mempunyai keluarga atau penjaga untuk menerima atau menjaga mereka atau lain-lain keadaan persekitaran yang tidak sesuai untuk perkembangan perlakuan yang condong ke arah mematohi undang-undang.

Selain daripada dua institusi di atas terdapat dua institusi lain yang tidak dihuraikan di sini, pertama Sekolah Henry Gurney, Melaka (Advanced Approved School) dan kedua institusi untuk perkhidmatan perlindungan wanita dan gadis. Budak-budak yang dimasukkan ke Sekolah Henry Gurney ialah budak-budak yang terlibat di dalam kesalahan-kesalahan yang sabit kepada hukuman penjara dan berumur tidak kurang daripada 14 tahun atau budak-budak yang **lari** dari sekolah-sekolah akhlak lebih daripada 24 jam atau budak-budak yang melakukan kesalahan setelah atau semasa pembebasan berlesen tetapi tidak melebihi had umur 21 tahun. Pusat pusat perlindungan wanita dan gadis pula, kes-kes yang dimasukkan ke institusi ini sebahagian besarnya terdiri daripada gadis-gadis dan wanita-wanita yang telah didapati terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang berbentuk pelacuran.

Di antara kegiatan-kegiatan yang dijalankan di pusat-pusat pemulihan wanita dan gadis ialah latihan-latihan persolekan, jahitan, ugama, bahasa, masakan dan sivik. Pada masa ini terdapat dua pusat pemulihan wanita dan gadis. Pertama, Pusat Pemulihan Wanita, Ceras, Selangor yang boleh menampakkan kira-kira 100 orang dan kedua, Pusat Pemulihan Wanita Kuala Trengganu. Di antara latihan-latihannya, di antara mereka adalah India, 3000 latih wanita dan seorang buah berbangsa Melayu.

Pembangunan besar daripada rumah-rumah di antara 15 hingga 15 tahun. Berikut disertakan beberapa data mengenai pembangunan rumah selanjutnya untuk membantu makalah-makalah yang turun pada di atas di bawah ini.

Penilaian Pembangunan Rumah.

Jenis & Konselahan	Rumah				Jumlah Rumah	Peratus
	Anggaran	Cina	India	Lain-lain		
Ramai	40	9	17	4	70	26.3
Pekan Jawa	4	3	0	-	53	19.8
Pekan Melayu	-	9	1	-	6	3
Bersejuta	-	9	1	-	1	0.1
Konselahan jajahan	-	1	-	-	1	0.1
Ramai-jadik	10	6	-	-	16	13.3
Rumah Persekutuan	4	1	4	-	9	17.5
Rumah Lintasnas	4	-	-	-	4	3
Lain-lain Konselahan	-	2	0	-	3	2.5
Jumlah Rumah	48	29	26	4	139	100.0%

BAB III

LATARBELAKANG PENGHUNI DAN INSTITUSI

3.1 Latarbelakang Penghuni

(a) Pendahuluan

Semasa kajian ini dijalankan sekolah ini menampungi seramai 120 orang penghuni yang terdiri daripada 62 orang budak-budak Melayu, 28 orang budak-budak Cina, 26 orang budak-budak India, 3 orang budak Sikh dan seorang budak berbangsa Siam.

Sebahagian besar daripada mereka berumur di antara 16 hingga 18 tahun. Mereka dimasukkan ke sekolah ini kerana keterlibatan mereka melanggar salah satu daripada kesalahan-kesalahan yang terdapat di dalam Jadual 3.1.

JADUAL 3.1

Jenis-Jenis Kesalahan Mengikut Bangsa

Jenis Kesalahan	Bangsa				Jumlah Kecil	Peratus
	Melayu	Cina	India	Lain-Lain		
Mencuri	40	9	17	4	70	58.3
Pecah rumah	4	3	6	-	13	10.8
Perasugut bersonjata	-	5	1	-	6	5
Kesalahan jantina	-	1	-	-	1	0.8
Mengodar dadah	10	6	-	-	16	13.3
Tidak Terkawal	4	1	4	-	9	17.5
Perlu lindungan	4	-	-	-	4	3
Lain-lain Kesalahan	-	3	-	-	3	2.5
Jumlah Besar	62	28	26	4	120	100.0%

(b) Pendapatan Keluarga

Beberapa kajian emperikal pengkaji-pengkaji tempatan telah mendapati sebahagian besar daripada responden mereka adalah terdiri daripada mereka yang berasal daripada latarbelakang sosio ekonomi keluarga kelas rendah. Hal yang serupa juga terjadi kepada hasil penemuan yang penulis perolehi dari kajian ini, lihat Jadual 3.2.

JADUAL 3.2

Taburan Pendapatan Keluarga
Budak-Budak Mengikut Bangsa

Taburan Pendapatan	Bangsa				Jumlah Kecil	Peratus
	Malayu	Cina	India	Lain-lain		
1 - 100	18	2	10	-		
101-200	21	6	10	2	91	75.8
201-300	10	6	4	2		
301-400	7	3	1			
401-500	2	3	-		20	16.7
501-600	1	2	-			
601-700	-	1				
701-800	-	-				
801-900	1	-			5	4.2
901-ke atas	1	3				
Tiada Laporan	1	2	1		4	3.3
Jumlah Besar	61	28	26	4	120	100.0

Berdasarkan kepada Jadual 3.2, kita boleh membahagikan budak-budak yang tinggal di sekolah ini kepada tiga kategori yang berbeza berdasarkan kepada latarbelakang sosio ekonomi keluarga; pertama budak-budak yang berlatarbelakangkan sosio-ekonomi keluarga kelas bawahan ialah keluarga-keluarga yang berpendapatan kurang daripada \$300; kedua budak-budak yang berlatarbelakangkan sosio ekonomi keluarga kelas menengah bawahan, iaitu keluarga yang berpendapatan di antara \$381 membawa ke \$700 dan; ketiga murid-murid yang berasal daripada sosio ekonomi keluarga kelas menengah atasan iaitu mereka yang berpendapatan lebih daripada \$801.00.

Berdasarkan kepada pembahagian ini ternyata bahawa majoriti daripada mereka adalah tergulung di dalam kategori sosio ekonomi keluarga kelas bawahan dan hanya sebilangan kecil sahaja yang berasal daripada sosio ekonomi keluarga kelas menengah atasan.

(c) Perpecahan Keluarga

Keluarga adalah merupakan institusi yang pertama dan yang terpenting di dalam proses sosialisasi seseorang manusia.

Proses sosialisasi yang baik hanya akan dapat dijalankan oleh keluarga yang mempunyai kedudukan yang setabil. Keluarga yang kucir kacir sebaliknya akan merosakkan proses sosialisasi seseorang budak.

Dalam hal budak-budak yang terdapat di sekolah laki-laki Sungai Besi, perpecahan keluarga adalah satu fenomena yang agak jelas keujudannya. Perpecahan ini secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua kategori umum, pertama perpecahan disebabkan oleh penceraian

atau perpisahan dan kedua perpecahan disebabkan oleh perhubungan yang tidak baik di antara ahli-ahli keluarga.

Penceraian boleh terjadi di dalam 4 keadaan; pertama ibu diceraikan secara sah; kedua, ibu meninggalkan bapa; ketiga kedua-dua menghilangkan diri; keempat, salah satu meninggal dunia dan; kelima kedua-dua meninggal dunia. Perpecahan akibat daripada perhubungan yang tidak baik pula boleh terjadi dalam tiga bentuk perhubungan; pertama perhubungan di antara ibu dengan bapa; kedua, penjaga dengan anak-anak dan; ketiga, perhubungan di antara adik beradik.

Dari kajian yang telah dijalankan penulis telah mendapati sekitar 55 orang daripada 120 orang budak-budak adalah berasal daripada keluarga yang tidak stabil yang berdasarkan kepada kategori umum yang pertama, lihat Jadual 3.3.

JADUAL 3.3

Perpecahan Keluarga Berdasarkan Kategori Pertama, taburannya mengikut Bangsa

Jenis Perpecahan	Bangsa				Jumlah Kecil	Peratus Kecil
	Malayu	Cina	India	Lain		
Ibu Dicearaikan	13	4	5	-	22	40.0
Ibu Meninggalkan bapa	3	-	-	-	3	5.5
Kedua-dua menghilang diri	1	1	-	-	2	3.6
Ibu/bapa meninggal dunia	9	3	4	1	17	30.9
Kedua-dua meninggal dunia	7	3	1	-	11	20.00
Jumlah	33	11	10	1	55	100.00

Jadual 3.3 masih kurang jelas bagaimana perpecahan keluarga boleh membawa kepada kesakalan remaja ini disebabkan masih terdapat 65 orang budak-budak yang masih mempunyai kedua-dua ibu bapa tetapi mengapa mereka juga turut terlibat ke dalam aktiviti-aktiviti anti sosial. Untuk melihat bagaimana perpecahan keluarga boleh membawa kepada kesakalan maka perlulah kita melihat perpecahan keluarga berdasarkan perspektif kategori kedua iaitu jalinan perhubungan keluargaan, lihat Jadual 3.4.

JADUAL 3.4

Jalinan Perhubungan Ahli-Ahli Keluarga

Jenis Perhubungan	Jumlah*
1. Anak melawan penjaga	51
2. Penjaga lawan penjaga	28
3. Anak lawan anak	20
JUMLAH	99
4. Tiada laporan	21

*Angka-angka ini adalah angka-angka yang telah disesuaikan untuk mengolekkan daripada jumlah yang bertindam tindoh. Keutamaan adalah diberi mengikut nombor, misalnya jika dilaporkan bahawa budak suka melawan penjaga dan adik beradik, keutamaan diberikan kepada 'budak melawan penjaga'

Daripada Jadual 3.3 dan 3.4 ternyata bah bahagian besar daripada budak-budak yang dimasukkan ke sekolah ini adalah

terdiri daripada budak-budak yang mempunyai latarbelakang perhubungan keluargaan yang tidak baik dan juga budak-budak yang tidak mendapat jagaan yang sempurna.

(d) Latarbelakang Pelajaran

Di dalam masyarakat yang moden, sekolah adalah merupakan salah satu daripada institusi sosialisasi formal yang amat penting di dalam pembentukan keperibadian seseorang insan.

Selain daripada peranannya sebagai satu agen sosialisasi, pelajaran juga adalah penting untuk dua tujuan yang lain, pertama untuk membolehkan seseorang maju kehadapan di dalam bidang perekonomian dan kedua untuk mengelakkan seseorang budak daripada menghabiskan masanya dengan aktiviti-aktiviti yang tidak mempunyai faedah. Pembasiran masa ini terjadi, kerana adalah tidak mungkin seseorang budak yang berhenti sekolah dalam usia yang masih terlalu muda untuk menceburkan diri mereka ke dalam dunia pekerjaan.

Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas maka adalah mustahak bagi kita untuk melihat latarbelakang pelajaran budak-budak yang dimasukkan ke institusi ini supaya pemahaman kita tentang sebab musabab kesakalan mereka dari perspektif sociologi dapat kita fahami dengan erti kata yang lebih luas lagi, lihat Jadual 3.5.

⁴⁰ Penulis tidak pernah perkenan "pejabat" ketika bukunya rujuk pada makalah penulis.

JADUAL 3.5

Taraf Pencapaian Pelajaran Formal
Budak-Budak Semasa Ditangkap

Taraf Pencapaian	Jumlah	Peratus Kecil
Tidak Pernah Bersekolah	7	5.8
Tidak Tamat Sekolah Rendah	27	22.5
Tamat Sekolah Rendah	24	20.0
Tidak Tamat Sekolah Men. bawah	22	18.3
Tamat Sekolah Menengah Bawah	35 ¹	29.0
Tidak Tamat Sekolah Men. Atas*	5 ²	4.2
Jumlah	120	100.0

¹5 orang lulus SRP - tapi tidak melanjutkan pelajaran

²Tingkatan 4 atau tingkatan 5.

Daripada Jadual 3.5 ternyata sebahagian besar daripada budak-budak ini adalah terdiri daripada mereka yang tercikir dalam pelajaran. Kadar keciciran yang tertinggi terjadi apabila mereka gagal di dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (29%).

Selain daripada keciciran yang berpunca daripada *keadaan*⁴⁰ mereka yang gagal di dalam peperiksaan, ianya juga

⁴⁰Penulis tidak gunakan perkataan 'sebab' kerana bukanlah tujuan penulis untuk melihat punca-punca keciciran.

terjadi oleh beberapa keadaan atau kehendak-kehendak lain, lihat Jadual 3.6.

JADUAL 3.6

Cara-Cara Berhenti Sekolah

Bil.	Cara-cara Berhenti	Sekolah			Jumlah	Peratus
		Rendah	1 Man. Bawah	Man. Atas		
1.	Berhenti dengan kehendak penjaga	41	6	-	47	41.6
2.	Berhenti dengan kehendak sendiri	10	19 ²	4	33	29.2
3.	Gagal dalam peperiksaan S.E.P.	-	30	-	30	26.6
4.	Dinaugukkan ke Sekolah ini	-	2	1	3	2.7
Jumlah		51	57	5	113 ³	100.0

¹ Termasuk yang tidak melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah.

² 7 orang tidak pernah ke sekolah

Bagi budak-budak yang berhenti semasa di sekolah rendah cara berhenti yang tertinggi sekali ialah 'berhenti dengan kehendak penjaga' iaitu 47 daripada 51 orang, berhenti semasa di sekolah menengah cara berhenti yang tertinggi sekali ialah 'gagal di dalam peperiksaan' (Sijil Rendah Pelajaran) iaitu 35 daripada 57 orang, sementara mereka yang berhenti semasa berada di sekolah menengah atas cara berhenti yang tertinggi sekali ialah 'berhenti dengan kehendak sendiri' iaitu 4 daripada 5 orang.

Selain daripada perhubungan di antara cara berhenti dengan taraf pencapaian pelajaran dengan latarbelakang sosio ekonomi keluarga mereka, lihat Jadual 3.7.

JADUAL 3.7

Perhubungan di antara taraf
Pencapaian pelajaran dengan latarbelakang
Sosio Ekonomi Keluarga

Bil.	Traf Pelajaran yang dicapai	Pendapatan Keluarga			Jumlah Kecil	Peratus Kecil
		1-300	301-700	701-ke atas		
1.	Tidak tamat sekolah rendah	27	-	-	27	22.5
2.	Tamat sekolah rendah	22	2	-	24	20.0
3.	Tidak tamat sekolah Men. Bawah	19	2	1	22	18.3
4.	Tamat Sekolah Men. Bawah	16	15 (75%)	4 (44%)	35	29.2
5.	Tidak tamat Sekolah Men. Atas	1	1	4 (44%)	5	4.2
6.	Tidak Pernah Bersekolah	7 (9.6%)	-	-	7	5.8
Jumlah		91	20	9	120	100.0

Jadual 3.7 menunjukkan memang ada kaitan yang rapat di antara taraf pencapaian pelajaran dengan taraf sosio ekonomi keluarga seseorang budak. Kaitan ini dapat dilihat dalam 3 keadaan; pertama peratus budak-budak yang tidak pernah bersekolah adalah tinggi dikalangan budak-budak yang berasal daripada lingkungan pelajarjan, jumlah mereka telah 86 orang, sebahagian yang selanjutnya

keluarga yang berpendapatan bawah daripada \$300, iaitu (9.6 %); kedua, peratus budak-budak yang tamat sekolah menengah bawah adalah tinggi di kalangan budak-budak yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan di antara \$301, iaitu 15 orang daripada 20 orang (75%) dan yang ketiga, peratus budak-budak yang telah mencapai taraf pelajaran sekolah menengah atas adalah tinggi di kalangan budak-budak yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan \$701 keatas, iaitu 4 daripada 9 orang (44%).

(e) Pergaulan dan Pekerjaan

Walaupun data-data yang lengkap tidak diperolehi daripada laporan-laporan Pegawai Akhlak untuk menerangkan pola-pola pergaulan seseorang budak, namun demikian adalah dipercayai sebahagian besar daripada mereka adalah terdiri daripada budak-budak yang telah terlibat dengan bentuk-bentuk pergaulan bebas.

Apabila Pegawai Akhlak mengemukakan soalan yang bertanya, mengapa anak anda terlibat dengan satu-satu aktiviti anti sosial sebahagian besar daripada mereka memberikan jawapan yang mengaitkan anak mereka dengan corak pergaulan bebas, misalnya mereka menjawab 'saya percaya bahawa anak saya mencuri adalah disebabkan oleh pergaulannya dengan beberapa orang budak di kampung ini yang tidak mempunyai kelakuan yang baik dan pernah ditangkap kerana mencuri'.

Dari segi pekerjaan, sebahagian besar daripada mereka adalah terdiri daripada budak-budak yang belum pernah menceburkan diri dalam lapangan pekerjaan, jumlah mereka ialah 86 orang, sementara yang selebih

nya (34 orang) pernah didapati bekerja, daripada jumlah ini (34 orang) semasa tangkapan dilakukan 29 daripada mereka telah berhenti kerja dan hanya 5 orang sahaja yang masih bekerja semasa ditangkap. Jenis pekerjaan yang dilakukan dan gaji yang mereka terima dalam sebulan sila lihat Jadual 3.8.

JADUAL 3.8

Jenis Pekerjaan Dan Gaji Di Kelangan
Mereka Yang Pernah Bekerja

Bil.	Jenis Pekerjaan	Gaji dalam Ringgit			Jumlah Kecil	Peratus Kecil
		1-50	51-100	101-150		
1.	Buruh Bangunan dan ladang	-	2	16	18	52.9
2.	Pembantu Kedai Makan	5	2	-	7	20.6
3.	Mengambil Upah (kerja em)	2	3	-	5	14.7
4.	Penjaga Pintu Pawagam	-	3	-	3	8.8
5.	Kedai Membaiki Kereta	-	-	1	1	2.9
Jumlah		7	10	17	34	100.0

Adalah suatu hakikat dari Jadual 3.8 kadar gaji yang diterima oleh mereka yang pernah bekerja adalah terlalu rendah jika

dibandingkan dengan jenis pekerjaan yang mereka lakukan, kerja membina bangunan dan buruh ladang misalnya, tidak seorang pun daripada mereka yang dibayar dengan upah melebihi daripada \$150 dalam sebulan. Kadar gaji yang terlalu rendah ini adalah merupakan salah satu sebab yang telah mendorong seramai 29 daripada 34 orang yang pernah bekerja berhenti daripada meneruskan pekerjaan mereka.

3.2 Kesimpulan Punca-punca kenakalan

Hakikat yang terjelma daripada penganalisaan di atas perlakuan yang melenceng adalah berpunca daripada dua akar umbi yang berbeza tetapi mempunyai kaitan. Pertama berpunca daripada sebab-sebab yang berakar umbi daripada struktur sosial dan yang kedua berpunca daripada sebab-sebab yang berakar umbi daripada 'kawalan luaran dan dalaman' yang lemah.

Dunia remaja ialah dunia yang penuh dengan berbagai-bagai perubahan dan perubahan fizikal membawalah kepada perubahan dari aspek-aspek sosial. Keperluan mereka bertambah dari sehari ke sehari, keperluan-keperluan itu baik yang berbentuk sebagai keperluan asas sebagai seorang manusia maupun keperluan-keperluan asas yang harus dimiliki oleh seseorang yang telah mencapai status remaja.

Di sini saya menurunkan 2 keperluan asas mereka sebagai seorang remaja, pertama keperluan asas untuk maksud hiburan dan kedua keperluan asas yang berbentuk pencapaian status.

Untuk memenuhi keperluan yang pertama ianya boleh dicapai melalui dua cara yang sah pertama dengan menagih wang daripada penjaga dan kedua bekerja untuk mendapatkan wang sendiri.

Malangnya kedua-dua cara yang sah ini tidaklah begitu berkemampuan untuk memenuhi kehendak mereka, Jadual 3.2 menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada mereka (91 orang) adalah berasal daripada latarbelakang keluarga yang mempunyai kedudukan ekonomi yang rendah. Sementara Jadual 3.8 pula menunjukkan hanya satu perempat sahaja daripada mereka yang mampu untuk mendapatkan pekerjaan, itupun dengan gaji yang sangat minima. Terdapat dua sebab utama mengapa sebahagian besar daripada mereka tidak bekerja, pertama disebabkan oleh umur mereka yang masih rendah dan yang kedua disebabkan mereka tidak mempunyai kemahiran yang baik dalam satu-satu bidang.

Menyedari akan hakikat "ketidakbolehan" mencapai matlamat-matlamat ini melalui cara-cara yang sah maka tidaklah menjadi kehairanan jika mereka berpaling kepada cara-cara yang tidak sah sebagai satu alternatif yang ada bagi mencapai matlamat yang ingin mereka perolehi.

Proses yang serupa juga terjadi kepada kehendak pencapaian status. Dalam masyarakat yang moden seperti Malaysia pencapaian status adalah berdasarkan kepada kriteria yang objektif. Dalam kontek dunia remaja pencapaian dalam pelajaran adalah kriteria status yang dipendam objektif oleh anggota-anggota masyarakat

Jadual 3.5 jelas menunjukkan bahawa sebilangan besar daripada mereka telah gagal mencapai status berdasarkan kepada kriteria yang objektif.

Sebab-sebab kenakalan yang kedua ialah sebab-sebab yang berpunca daripada keadaan kawalan dalaman dan luaran yang lemah.

Kawalan luaran dan dalaman yang lemah terjadi akibat deripada kelemahan yang terdapat pada agen-agen yang menjadi alat kawalan luaran dan juga alat pembentukan kawalan dalaman.

Keluarga adalah agen tidak formal yang paling berkesan dapat memberikan external sanction dan membentuk internal sanction pada diri seseorang budak.

Menurut Reckless dalam masyarakat industrial internal containment adalah lebih berkesan daripada external containment. Internal containment hanya akan dapat dibentuk pada diri seseorang melalui perhubungan yang baik di antara pihak yang hendak membentuk dengan pihak yang hendak dibentuk (budak), sifat-sifat pribadi yang baik dan suasana perhubungan keluarga yang baik. Jadual 3.3 dan 3.4 jelas menunjukkan suasana yang diperlukan untuk pembentukan internal control adalah terlalu lemah di kalangan budak-budak yang dimasukkan ke institusi ini.

Selain daripada kawalan dan attachment yang lemah terhadap keluarga, kawalan dan attachment juga lemah terhadap agensi-agensi external dan internal control yang lain.

Sekolah dan kakitangannya adalah salah satu institusi sosialisasi formal yang penting dalam mesyuarat yang komplek. Jadual 3.5 dan 3.6 menunjukkan sebilangan besar daripada budak-budak yang dikaji terdiri daripada budak-budak yang telah berhenti sekolah pada umur yang terlalu muda.

Keadaan ini bukan sahaja telah menjauhkan mereka daripada mengambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti yang bergerak menuju ke arah pemotohan undang-undang dan mendampingi orang-orang (guru-guru) yang mematchi undang-undang, malah ianya telah menyebabkan mereka lebih terdedah kepada kemungkinan-kemungkinan untuk melibatkan diri mereka ke dalam kumpulan-kumpulan yang menentang undang-undang. Melalui kumpulan-kumpulan inilah kemudiannya mereka mempelajari arah, motif, kehendak kewajaran dan sikap yang tertentu terhadap perlakuan-perlakuan jenayah seperti yang disarankan oleh Sutherland.

Sepertimana yang telah dijelaskan lebih awal kedua-dua rangkaian teori yang menerangkan perlakuan yang melenceng adalah saling berkaitan antara satu sama lain, misalnya disebabkan oleh pendapatan yang rendah kedua-dua ibu bapa terpaksa bekerja, bila kedua-dua mereka bekerja bermakna mereka terpaksa mengorbankan masa untuk mengasoh dan mendidik anak-anak mereka. Soalnya di sini teori manakah yang lebih asas yang telah bertanggungjawab kepada perlakuan yang melenceng.

Kalau berdasarkan kepada teori struktur sosial yang diajarkan oleh Norton yang kemudiannya dikembangkan oleh Cloward

dan Oklin serta digunakan pula oleh Cohen untuk membina teori Delinquent Subculture maka sudah sepastinya faktor-faktor yang asas adalah terletak kepada faktor-faktor ekonomi. Sebaliknya jika didasarkan kepada teori-teori kawalan sepetimana yang diasaskan oleh Reckless yang kemudiannya dikembangkan oleh Hirchi dan Nye maka sudah sepastilah perlakuan-perlakuan yang melenceng itu adalah berpunca daripada keadaan kawalan yang lemah.

Jawapan kepada persoalan ini akan terjawab dengan menjawab persoalan ini 'adakah seorang yang mempunyai latarbelakang ekonomi yang baik tidak akan melakukan kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang? Jika jawapannya ia maka jawapan ini bukanlah satu jawapan yang rasional, akhbar-akhbar kerap melaporkan keterlibatan orang-orang yang berada ke dalam kancang penjenayah. Maka dengan ini dapatkan disimpulkan bahawa teori kawalan yang diasaskan oleh Reckless adalah lebih asas daripada teori struktur sosial yang diasaskan oleh Merton. Disebabkan oleh kelemahan kawalan inilah kita telah menemui seramai 5 orang daripada budak-budak yang dimasukkan ke institusi ini terdiri daripada mereka yang berasal daripada keluarga yang mempunyai latarbelakang socio ekonomi yang baik, lihat Jadual 3.2.

3.3 Latarbelakang Sekolah.

(a) Pendahuluan

Sekolah Laki-Laki Sungai Besi, Kementerian Kobajikan Am telah didirikan pada tahun 1952. Ianya terletak di atas sebuah

anak bukit setinggi lebih kurang 350' dengan keluasan lebih kurang 45 ekar. Kawasan sekelilingnya dipagar dengan pagar dawai setinggi 10 kaki yang berdiri di bahagian atasnya.

Kesemua bangunan kecuali bangunan kediaman kakitangan didirikan di kawasan seluas 45 ekar ini. Ianya dibina secara bertingkat-tingkat menanjur dari kaki bukit membawa ke bahagian atasnya. Bangunan-bangunan itu termasuklah sebuah bangunan pentadbiran, lima buah bangunan tempat penginapan penghuni, tiga buah bengkel pertukangan, sebuah bangunan untuk pelajaran akademik yang dipecahkan kepada lima bilik darjah, dua buah bangunan upacara keugamaan dan sebuah bangunan dewan makan.

Bangunan-bangunan ini sebahagian besarnya dihina daripada papan yang telah agak usur keadaannya. Hanya terdapat sebuah bangunan baru yang dibuat daripada batu iaitu bengkel motor mekanik dan kimpalan. Lain-lain kemudahan fizikal, sebuah padang permainan, sebuah komplek sukan dan sebuah lori sebagai kendaraan untuk mengangkut barang-barang dan penghuni-penghuni.

(b) Pentadbiran

Pentadbiran yang cekap adalah salah satu mekanisma yang penting untuk mencapai satu-satu matlamat yang telah dirangkakan daripada satu-satu polisi. Untuk mengujudkan pentadbiran yang cekap sekurang-kurangnya mesti terdapat dua perkara pokok yang perlu ditekankan, pertama, penyusunan yang rapi dan teratur dalam sistem pentadbiran keseluruhannya, kedua, ianya hendaklah dikendalikan

oleh kakitangan yang cekap, didikasi dan mencukupi.

Pentadbiran di institusi ini dikendalikan menerusi dua cara; pertama pentadbiran yang dikhususkan kepada pengendalian aktiviti-aktiviti pemulihan dan; kedua, pentadbiran yang di khususkan untuk urusan pentadbiran institusi.

Pentadbiran institusi dikendalikan oleh seorang Pengetua, seorang Timbalan Pengetua, seorang Ketua Pembantu Kebajikan Masyarakat, seorang Pegawai Kerani dan seorang Pegawai Kerani Rendah.

Pengetua, ditugaskan dengan 3 fungsi utama. Pertama bertanggungjawab bagi memastikan perjalanan pentadbiran yang cekap, menentukan disiplin kakitangan yang baik dan memastikan keselamatan penghuni; kedua, memastikan setiap rekod yang berkaitan dengan pentadbiran dan aktiviti pemulihan sentiasa dimasakiniakan untuk membolehkan ianya diperiksa pada bila-bila masa yang dikehendaki dan; ketiga, menyediakan program-program pemulihan. Untuk mencapai ketiga-tiga matlamat ini Pengetua adalah dikehendaki;

(i) Menyediakan tugas setiap kakitangan kecuali pegawai perubatan.

(ii) Menyediakan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan disiplin dan kolakuan kakitangan serta penghuni-penghuninya.

(iii) Menyediakan jadual waktu harian.

- (iv) Menyediakan keperluan makanan yang sesuai dengan latarbelakang kebudayaan, ugama, umur dan kesihatan penghuni-penghuni.
- (v) Menyediakan sukatan pelajaran dan tempat-tempat ibadat untuk penghuni-penghuni.

Timbalan Pengetua, disamping fungsinya sebagai pembantu kanan kepada Pengetua, dia adalah juga dipertanggungjawabkan dengan 2 tugas yang lain; pertama, mengawas dan menasihat secara langsung kakitangan-kakitangan yang mengendalikan aktiviti pemulihan dan; kedua, mengendalikan urusan-urusan pejabat. Antara lain tugas Timbalan Pengetua ialah:

(i) Menyelia kakitangan-kakitangan pemulihan.

(ii) Menyediakan laporan-laporan pentadbiran, perjalanan sekolah dan penghuni-penghuninya.

(iii) Mengekalkan pendaftaran sekolah.

(iv) Melatih pengawas sekolah.

(v) Menguruskan wang saku penghuni.

(vi) Menyediakan aktiviti masa lapang

(vii) Menyediakan aktiviti-aktiviti lain seperti kesukanan, perkelahan kerja kumpulan dan sebagainya.

Bagi melicinkan tugas Timbalan Pengetua, beliau dibantu oleh seorang Ketua Pembantu Kebajikan Masyarakat.. Perlantikan beliau adalah didasarkan kepada jangka masa perkhidmatannya yang telah lama dan rekod perkhidmatan yang baik.

Pegawai Kerani dan Pegawai Kerani Rendah. Tugas mereka lebih mengkhusus kepada urusan pentadbiran kewangan. Pejabat mereka ditempatkan di dalam bangunan pentadbiran yang sama tetapi di bilik yang berasingan.

Antara lain mereka adalah bertanggongjawab bagi menyediakan anggaran perbelanjaan yang diperlukan oleh institusi ini. Anggaran belanjawan yang telah disediakan akan dimajukan ke Kementerian Kebajikan An untuk mendapatkan kelulusan peruntukan yang diperlukan. Anggaran perbelanjaan bagi tahun 1979 ialah 534,108.⁴¹

Pentadbiran diperingkat pengendalian aktiviti pemulihan pula dikendalikan oleh 2 kategori kakitangan; pertama, kakitangan yang mengendalikan kerja-kerja sosial dan yang kedua, kakitangan yang mengendalikan aktiviti-aktiviti pelajaran.

Aktiviti-aktiviti sosial dikendalikan oleh Pembantu Kebajikan Masyarakat yang berjumlah 10 orang. Mereka mengendalikan dua tugas utama, pertama, mengawas dan membimbing penghuni-penghuni dan kedua, mengawas dan mengendalikan aktiviti-aktiviti harian. Kerja-kerja bimbingan yang dijalankan termasuklah kerja-kerja

⁴¹ Lihat lampiran 2.

kes, 'counselling' dan nasihat.

Bagi maksud pelajaran akademik, latihan vokesional dan aktiviti masa lapang ianya dikendalikan oleh 11 orang kakitangan; 3 orang untuk pelajaran akademik; 6 orang untuk latihan vokesional dan; 2 orang untuk menjalankan aktiviti masa lapang.

Selain daripada kakitangan-kakitangan yang telah disebutkan sekolah ini juga mempunyai seorang Pembantu Setor seorang Pembantu Rumah Sakit, 8 orang pengawal, 3 orang tukang masak, seorang Tukang Kebun seorang Pemandu Lori dan 4 orang Guru Ugama.

Jumlah kakitangan ialah 46 orang, 40 daripadanya berkhidmat secara tetap sementara yang lebihnya berkhidmat secara separuh masa. Mereka yang berkhidmat separuh masa ialah 4 orang Guru Ugama (2 Guru Ugama Islam dan, 1 Guru Ugama Buddha dan satu Guru Ugama Hindu), seorang pengajar gunting rambut dan seorang Guru Musik.

(c) Kelayakan dan pengalaman

Pengotua sekolah ini adalah seorang yang berkeleayakan. Beliau mempunyai latarbelakang pelajaran formal dalam bidang sains sosial disalah sebuah institusi pengajian tinggi. Disamping itu beliau juga telah menerima kursus dalam bidang yang sama di luar negeri. Beliau telah lama berkhidmat dan mempunyai pengalaman pentadbiran yang agak baik.

Timbalan Pengetua, disamping latarbelakang formal yang baik juga telah menjalani berbagai-bagai kursus pentadbiran dan pemulihan yang dianjurkan di dalam negeri. Begitu juga dengan Ketua Pembantu Kebajikan Masyarakat. Beliau ialah seorang pekerja sosial yang telah lama berkhidmat dan telah menjalani berbagai-bagai kursus pentadbiran serta pemulihan.

Sementara Pembantu-Pembantu Kebajikan Masyarakat pula, sebahagian besar daripada mereka adalah pemegang Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia. Kebanyakannya mereka terdiri daripada kakitangan-kakitangan yang baru berkhidmat sebagai pekerja sosial. Walaupun bagaimanapun sebelum dan semasa mereka berkhidmat mereka telah dihantar ke pusat-pusat latihan pentadbiran yang terdapat di dalam negeri seperti Institute Tadbiran Negara (INTAN).

Guru-guru akademik adalah guru-guru yang dipinjamkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Kursus yang mereka terima sama seperti guru-guru yang terdapat di sekolah-sekolah biasa. Begitu juga dengan guru-guru latihan vokasional, mereka namada mendapat pelajaran daripada sekolah-sekolah vokasional, Pusat Latihan Belia Dusun Tua atau Sekolah-sekolah Perniagaan (Trade School).

(d) Lembaga Pelawat

Untuk mempastikan setiap program pemulihan berjalan dalam rangka kerja yang telah ditetapkan satu majlis yang berasingan telah dibentuk untuk mencapai matlamat ini. Majlis ini dikenali dengan nama Majlis Lembaga Pelawat.

Majlis ini dianggotai oleh 12 orang ahli yang dipilih secara terus oleh Menteri Kebajikan Am, dua daripada ahli majlis hendaklah diwakili oleh wanita untuk sekolah akhlak laki-laki dan dua ahli laki-laki untuk sekolah-sekolah akhlak perempuan.

Dengan persetujuan Menteri berkenaan majlis mestilah melantik salah seorang daripada mereka sebagai Pengurus, seorang Setiausaha dan seorang Bendahari Majlis. Mereka yang dibenarkan menjawat 3 jawatan ini hendaklah bukan dari ahli majlis yang berkhidmat di bawah Kementerian Kebajikan Am.

Ahli-ahli Lembaga Pelawat adalah bertanggungjawab bagi memastikan institusi ini mempunyai taraf kecekapan yang baik di dalam menjalankan fungsinya sebagai sebuah institusi pemulihan akhlak budak-budak nakal. Untuk ini mereka hendaklah sentiasa mengambil kira sebarang laporan dan cadangan yang dihantar kepada mereka oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat.

Mereka adalah diberi kuasa untuk mengubal peraturan-peraturan tambahan 'Supplemental Regulation' yang difikirkan perlu untuk menekankan lagi pengurusan pentadbiran dan disiplin kakitangan serta penghuni. Mereka juga diberi kuasa untuk melawat sekolah pada bila-bila masa yang disukai untuk memastikan penghuni diberikan layanan yang memuaskan.

Sekiranya mereka mendapati adanya kakitangan-kakitangan yang gagal menjalankan tugas yang telah dipertanggongjawabkan kepada mereka, ahli Lembaga Pelawat diberi kuasa untuk melaporkan

perkara ini kepada Menteri dan seterusnya berkuasa untuk mengambil tindakan-tindakan yang wajar. Tindakan itu boleh jadi dalam bentuk penggantungan perkhidmatan untuk satu jangka waktu yang tertentu ataupun menamatkan terus perkhidmatan kakitangan yang berkensan.

Penilaian kualiti kerja kakitangan bukan sahaja berdasarkan penilaian teknikal semata-mata tetapi ia juga berdasarkan penilaian sifat-sifat manusia, pengetahuan dan kemahiran, pengetahuan profesional (pertama sekali), pengetahuan penilaian kualiti kerja.¹²

Penilaian kualiti kerja bukan penilaian teknikal sahaja yang dilakukan berdasarkan analisis dan rujukan, tetapi dilakukan juga dengan dasar maklumat yang diperoleh daripada sumber-sumber lain.

Penilaian kualiti kerja bukan sahaja berdasarkan penilaian teknikal semata-mata tetapi ia juga berdasarkan penilaian sifat-sifat manusia, pengetahuan dan kemahiran, pengetahuan profesional (pertama sekali), pengetahuan penilaian kualiti kerja pertama sekali dan penilaian yang tidak diilungas dan kedua-duanya bersama-sama.

Penilaian kualiti kerja bukan sahaja berdasarkan penilaian teknikal semata-mata tetapi ia juga berdasarkan penilaian sifat-sifat manusia, pengetahuan dan kemahiran, pengetahuan profesional (pertama sekali), pengetahuan penilaian kualiti kerja pertama sekali dan penilaian yang tidak diilungas dan kedua-duanya bersama-sama.

¹² See James Gargan and Robert J. Wilson, *Controlling Service Quality: Theory and Practice in Manufacturing and Marketing* (New York: McGraw-Hill, 1988), Chapter 10.

BAB IV

PROGRAM DAN PROSES PEMULIHAN

4.1 Proses Pemulihan

Falsafah mengintegrasikan budak-budak nakal ke dalam institusi pemulihan lazimnya melalui 3 proses yang berbeza dalam satu jangka waktu yang berbeza; pertama, peringkat pentafsiran (assessment); kedua, peringkat perencanaan (programming) dan ketiga, peringkat penilaian (evaluation).⁴²

Peringkat pentafsiran ialah tahap penentuan model rawatan yang sesuai dengan keperluan emosi. Di samping model rawatan, model integrasi yang sesuai dengan keperluan-keperluan vokesyenal dan pelajaran akademik.

Berdasarkan kepada kedua-dua model yang diperolehi barulah penentuan program pemulihan dan rawatan ditentukan. Peringkat penilaian adalah merupakan tahap yang terakhir di dalam proses pemulihan. Penilaian dilakukan melalui dua peringkat; pertama peringkat penilaian kesesuaian program pemulihan dan rawatan yang telah ditetapkan dan kedua, penilaian pembebasan.

Di Sekolah Laki-Laki Sg. Besi, secara umumnya proses pemulihan dilakukan melalui 4 tahap; (a) tahap orientasi (b) tahap klasifikasi (c) tahap penilaian kemajuan dan (d) tahap penilaian

⁴²Clemens Bartollas and Stuart J. Miller, Correctional Administration, Theory and Practice, N. York: McGraw Hill, Inc., 1978, hal. 191-193.

pesabebasan bersyarat.

Tahap Suaikenal

Minggu pertama adalah merupakan satu tempoh yang agak kritis bagi setiap budak-budak baru yang dimasukkan ke institusi ini. Dalam jangka masa ini mereka mengalami berbagai-bagai masalah khususnya masalah di dalam menyesuaikan diri mereka ke dalam situasi persekitaran yang agak baru kepada mereka.

Masalah penyesuaian ini berbeza di antara seseorang budak baru. Perbezaan ini bergantung kepada cara mana mereka didatangkan ke institusi ini. Berdasarkan cara mereka datang kita boleh membahagikan budak-budak baru kepada 3 kategori: (i) datang seorang diri (ii) datang secara kumpulan (iii) budak-budak baru yang telah sedia mempunyai kawan di institusi ini. Secara perbandingan budak-budak yang telah sedia mempunyai kawan di institusi ini adalah lebih mudah menyesuaikan diri mereka jika dibandingkan dengan budak-budak yang datang secara berkumpulan dan berseorangan. Budak-budak yang didatangkan secara berseorangan adalah yang sukar sekali membuat penyesuaian, lebih-lebih lagi sekiranya mereka seorang budak yang 'emotional inferiority'.

Untuk membantu mereka mengatasi masalah di dalam menyesuaikan diri, terlebih dahulu mereka cuba diyakinkan dengan tujuan dan matlamat institusi ini. Pada hari pertama mereka diberikan penerangan oleh Ketua Pembantu Kebajikan Masyarakat mengenai peraturan-peraturan yang terdapat di institusi ini dan dinasihat supaya hidup

secara harmoni.

Nasihat dan bimbingan yang selanjutnya dilakukan oleh Pembantu Kebajikan Masyarakat, khususnya Pembantu Kebajikan Masyarakat yang bertanggungjawab secara khusus terhadap mereka. Lazimnya Pembantu Kebajikan Masyarakat yang berkenaan akan melawat mereka di kampung mereka ditempatkan. Semasa lawatan ini dilakukan, murid-murid baru dan lama dinasihatkan supaya tinggal bersama-sama dalam keadaan yang baik.

Di samping nasihat kumpulan dan perseorangan mereka juga diberi penerangan tentang kemudahan-kemudahan yang terdapat di institusi ini. Mereka dinasihat supaya mengambil bahagian yang cergas di dalam sesua aktiviti-aktiviti dan program pemulihan yang disediakan termasuklah aktiviti masa lapang dan permainan.

Interaksi di antara budak-budak baru dengan budak-budak lama bermula pada hari pertama. Sesuai dengan senangat kerjasama, murid-murid lama diarahkan supaya membantu budak-budak baru.

Interaksi yang bercorak aktiviti bermula di dapur dewan makan. Setiap budak-budak baru dimestikan bekerja di dapur selama seminggu. Di sini mereka akan berinteraksi dengan rakan-rakan mereka yang lebih senior yang bertugas di tempat yang sama.

Tahap Kelasifikasi

Tahap kelasifikasi bermula pada minggu yang ke-2. Tahap ini sama dengan tahap 'assessment' tetapi di sini penekanan hanya

ditampukan kepada model integrasi. Dari segi idealnya pengkelasan bertujuan untuk memastikan setiap murid akan memperolehi dan mengikuti pelajaran vokesyenal dan akademik yang sesuai dengan minat dan kecerdasan mereka.

Penentuan pelajaran vokesyenal yang diikuti ditentukan melalui satu ujian yang berbentuk praktikal. Setiap murid baru dikehendaki menjalani ujian ini seminggu untuk setiap kelas vokesyenal yang terdapat di institusi ini. Dalam masa menjalani ujian ini guru-guru vokesyenal yang berkenaan akan memerhati dan mencatatkan pencapaian yang ada pada mereka.

Hasil daripada penilaian pencapaian ini akan diserahkan kepada Ketua Pembantu Kebajikan Masyarakat untuk ditentukan pelajaran vokesyenal yang tertinggi darjah kesesuaianya terhadap seseorang murid. Walaupun bagaimanapun, dalam setengah-setengah keadaan Ketua Pembantu Kebajikan Masyarakat nampaknya kuasa budibicara untuk menentukan jenis pelajaran vokesyenal yang harus diikuti oleh seseorang murid.

Penentuan taraf pelajaran akademik yang harus diikuti oleh seseorang murid ditentukan melalui ujian bertulis dan membaca. Taraf ujian yang diberikan sesuai dengan latarbelakang pencapaian seseorang murid sebelum mereka dimasukkan ke institusi ini. Berdasarkan kepada ujian ini, seseorang murid akan ditentukan taraf pelajaran akademik yang harus mereka ikuti.

Penilaian Kemajuan

Kemajuan seseorang murid ditandai dengan pangkat 'D' hingga ke pangkat 'A'. Setiap orang murid yang menunjukkan kemajuan akan dinaikkan pangkatnya secara berperingkat-peringkat daripada pangkat yang terendah ke pangkat yang lebih tinggi.

Cara-cara menilai kenaikan pangkat:-

- (a) Seseorang murid yang baru dimasukkan ke sekolah ini adalah layak untuk mendapatkan pangkat 'D'. Dia mestilah berada di dalam grade ini selama 3 bulan dan akan disokong kenaikan pangkat 'C' mulai bulan yang ke-4.
- (b) Kenaikan pangkat 'B' bermula selepas seseorang murid berada di sekolah ini selama 9 bulan dan tarikh kenasukannya dan akan disokong untuk kenaikan pangkat 'B' dari bulan yang ke-10.
- (c) Kenaikan pangkat 'A' bermula selepas seseorang murid berada di sekolah ini selama 17 bulan dan akan disokong kenaikan pangkat 'A' mulai bulan yang ke-18.

Setiap orang murid yang telah berjaya mencapai pangkat 'A' adalah layak untuk disokong pembebasan bersyarat.

Satu laporan mengenai latarbelakang keluarga dan latarbelakang murid sebelum dan sesudah dimasukkan ke institusi ini akan disediakan oleh Pembantu Kebajikan Masyarakat. Laporan ini akan dibawa

ke mesyuarat Ahli Lembaga Pelawat untuk disahkan.

Kandungan laporan tersebut termasuklah kemajuan seseorang murid dari segi keleluannya, pergaulannya, pencapaian di dalam latihan vokesyenal dan pelajaran akademik, kegiatan di dalam aktiviti masa lapang dan kesukanan, kerajinan dan juga ulasan tentang kesanggupan penjaga mereka menerima, mengawas dan mencarikan mereka kerja.

4.2 Program Pemulihian

Secara khusus institusi ini bergerak di atas dua landasan yang menuju kepada pencapaian 2 matlamat utama; pertama untuk membina akhlak yang baik dan yang kedua, untuk memberi pelajaran akademik dan vokesyenal.

(a) Membina Akhlak

Secara umumnya terdapat 4 cara bagaimana pencapaian matlamat ini digerakkan. Pertama, murid-murid yang berada di institusi ini digalakkan supaya hidup secara berkumpulan. Mereka dibahagikan kepada 5 kumpulan besar berdasarkan asrama (kem) mereka ditempatkan:-

1. KEM HANG TUAH
2. KEM ISKANDAR
3. KEM BADANG
4. KEM SANG SAPURBA
5. KEM SERI LANANG

Setiap kem dipecahkan kepada dua kumpulan menjadikan kesemuanya 10 kumpulan asas, jumlah ahli dalam setiap kumpulan asas

ialah 13 hingga 15 orang.

Setiap kumpulan asas diketuai dengan seorang Pembantu Kebajikan Masyarakat. Kehadiran mereka bertujuan untuk membimbing dan mengawas setiap murid-murid di dalam satu-satu kumpulan. Di samping Pembantu Kebajikan Masyarakat setiap kumpulan asas juga diketuai oleh seorang murid. Perlantikan ketua murid ini dicalonkan sendiri oleh ahli-ahli di dalam satu-satu kumpulan tetapi calonnya hendaklah terdiri daripada mereka yang direstui oleh Pembantu Kebajikan Masyarakat. Setiap orang murid yang dilantik menjadi ketua murid di dalam satu-satu kumpulan secara otomatis terlantik sebagai ketua murid-murid seluruhnya. Tugas katus-ketua murid sama seperti tugas yang dilakukan oleh pengawas-pengawas di sekolah biasa. Mereka diharapkan untuk mengawas supaya setiap murid-murid lain mematuhi undang-undang yang terdapat di sekolah ini.

Cara kedua di dalam proses pembinaan akhlak yang digunakan oleh institusi ini ialah deraan dan ganjaran.

Deraan dikenakan kepada murid-murid yang telah didapati bersalah kerana melanggar peraturan-peraturan yang terdapat di sekolah ini, sementara ganjaran pula diberikan kepada murid-murid yang menunjukkan kemajuan dari segi akhlaknya.

Secara umumnya terdapat dua jenis deraan di sekolah ini; pertama deraan yang dibenarkan oleh institusi ini secara sah dan kedua deraan yang tidak dibenarkan (tidak sah). Deraan yang dibenarkan ialah corporal punishment dan 'cokang' (deraan yang dilakukan dalam bentuk

pekerjaan). Sementara deraan yang tidak dibenarkan (tidak sah) ialah deraan yang tidak direkodkan, ianya boleh jadi dilakukan sendiri oleh kakitangan institusi ini atau pun dilakukan sendiri oleh murid-murid di institusi ini. Deraan dari jenis kedua ini termasuklah deraan yang berbentuk fizikal dan vokal.

Penggunaan corporal punishment hanya dibenarkan apabila cara-cara lain gagal untuk mengekalkan disiplin yang baik. Sejenis rotan yang sederhana besarnya yang disahkan oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat hendaklah digunakan sebagai penyebat. Jika sebatan itu hendak dikenakan di tapak tangan jumlah sebatan hendaklah kurang daripada 3 kali. Walau bagaimanapun dengan persetujuan salah seorang daripada ahli Lembaga Pelawat hukuman itu boleh dinaksimakan hingga 6 kali sebat.

Pengetua hendaklah memastikan terlebih dahulu perkara-perkara di bawah sebelum seseorang murid dikenakan corporal punishment:-

- (a) Budak itu hendaklah disahkan sihat dari segi fizikal dan mentalnya.
- (b) Hukuman itu hendaklah dilangsungkan di suatu tempat yang tersesbunyi daripada tuntunan murid-murid lain.
- (c) Jenis kesalahan yang dibolehkan corporal punishment hendaklah terdiri daripada jenis-jenis kesalahan yang dianggap berat oleh pengetua, seperti kesalahan-kesalahan yang berbentuk sentuhan fizikal.

(d) Hukuman itu hendaklah dilakukan sendiri oleh Pengetua atau kakitangan lain yang diizinkan oleh pengetua.

Selain daripada pengetua, penggunaan corporal punishment juga dibenarkan kepada guru-guru yang berkelayakan. Walau bagaimanapun jenis kesalahan yang dibenarkan oleh guru-guru yang berkenaan untuk menggunakan corporal punishment hendaklah terdiri daripada kesalahan-kesalahan yang ringan yang dilakukan samada di bilik-bilik darjah atau di bengkel-bengkel pertukangan. Jumlah sebat yang dibenarkan tidak melebihi daripada dua kali. Setiap kali seseorang murid dikenakan rotan, guru-guru yang mengenakkannya hendaklah mencatitikannya ke dalam sebuah buku yang dinamakan Buku Hukuman Bilik Darjah.

Peraturan ini juga mestilah dilakukan oleh pengetua. Setiap kali pengetua mengenakan corporal punishment pengetua hendaklah dengan secepat mungkin mencatitikan butir-butir yang berkaitan ke dalam Buku Hukuman. Di samping itu pengetua juga dikehendaki memeriksa Buku Hukuman Bilik Darjah sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu. Kedua-dua buku hukuman ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan Ahli Lembaga Pelawat setiap kali diajukan mesyuarat dan juga kepada pegawai perubatan sekurang-kurangnya 3 kali dalam setahun.

Bagi kesalahan-kesalahan yang ringan, hukuman yang sering dikenakan ialah 'cokang'. Kesalahan-kesalahan itu termasuklah kesalahan kerana menghisap rokok, pontang kelas, berpakaian tidak kemas dan sebagainya.

Secara perbandingan 'cokang' adalah lebih kerap digunakan

jika dibandingkan dengan corporal punishment, hampir setiap hari kedapatan murid-murid yang menjalani deraan yang dari jenis ini.

Ganjaran disediakan di dalam beberapa cara, antaranya ialah kenaikan pangkat dan pemberian wang saku, kemungkinan untuk mendapatkan pekerjaan di luar institusi dan beberapa keistimewaan yang lain.

Seiringan dengan pangkat yang disandang seseorang murid adalah layak untuk mendapatkan wang saku seperti berikut:

Pangkat	Jumlah Wang Saku	Masa
'D'	35 sen	Seminggu
'C'	55 sen	Seminggu
'B'	75 sen	Seminggu
'A'	90 sen	Seminggu

Pembayaran wang saku dibuat pada tiap-tiap bulan. Walau bagaimanapun jumlah wang yang terkumpul tidaklah diserahkan secara perih kepada mereka. Sebaliknya wang simpanan itu disimpan oleh Pembantu Kebajikan Masyarakat yang bertanggungjawab menjaga seseorang murid.

Selain daripada peningkatan di dalam pangkat yang disandang dan pertambahan hadiah wang saku, murid-murid yang menunjukkan kelakuan yang baik berkesempatan pula akan dilantik untuk mengetuai sesuatu kumpulan yang terdapat di sekolah ini, kumpulan-kumpulan itu termasuklah kumpulan seastrama ataupun kumpulan-kumpulan pasukan pakaian seragam.

Cara pembentukan akhlak yang ke-3 ialah kaunseling dan bimbingan. Berdasarkan kepada Laporan Tahunan 1979, terdapat 4 cara bagaimana kaunseling dan bimbingan dilakukan; (i) kaunseling (ii) kerja kes (iii) persidangan kes (iv) kerja kumpulan.

Walaupun dalam laporan tersebut ada dinyatakan tentang kerja-kerja kaunseling, tetapi pada hakikat yang sebenarnya kaunseling adalah tidak kedapatan di institusi ini. Kaunseling menurut pengertian yang standard ialah 'satu amalan atau perkhidmatan profesional yang direka untuk membimbing individu kepada pemahaman tentang masalah yang mereka hadapi dan kemungkinan untuk mengatasinya, pendekatan yang digunakan ialah yang berdasarkan kepada prinsip-prinsip saikologi dan kaedah-kaedah saikologi...'⁴³ Justeru itu adalah lebih tepat jika istilah kaunseling itu digantikan dengan istilah nasihat sahaja.

Secara purata setiap orang murid menerima nasihat secara perseorangan lebih kurang 48 jam dalam setahun atau 4 jam dalam sebulan. Nasihat yang diberikan oleh Pembantu Kebajikan Masyarakat yang berkeseen meliputi segala masalah yang dihadapi oleh seseorang murid termasuklah masalah perhubungan di antara murid dengan penjaga mereka.

Selain daripada nasihat secara individu, nasihat juga diberikan dalam bentuk kumpulan. Lazimnya setiap kali diadakan perhimpunan khususnya perhimpunan yang diadakan di sebelah pagi.

Persidangan kes diadakan dua kali dalam sebulan, tiga jam untuk sekali persidangan. Setiap Pembantu Kebajikan Masyarakat di-

⁴³ Philip Babcock Gove and The Merriam-Webster Editorial Staff, Webster's Third New International Dictionary, G and C Merriam Co. 1961.

kehendaki membawa salah seorang daripada budak-budak di bawah jagaan mereka apabila sampai giliran masing-masing.

Proses persidangan kes bermula pada peringkat pemilihan calon. Calon yang dipilih ialah mereka yang dianggap oleh Pembantu Kebajikan Masyarakat sebagai mempunyai masalah yang rumit dan kritikal. Tahap yang kedua ialah penyediaan laporan yang berhubung dengan sebab musabab mengapa seseorang murid itu dipilih sebagai calon untuk persidangan kes.

Persidangan kes diadakan di bilik pengetua. Ianya dihadiri oleh Timbalan Pengetua, Ketua Pembantu Kebajikan Masyarakat, Pembantu Kebajikan Masyarakat, guru-guru akademik dan guru-guru vokesyenal. Persidangan kes dipengerusikan sendiri oleh Pembantu Kebajikan Masyarakat yang membawa kes. Setelah pengurus majlis selesai membacakan laporan yang telah disediakan dan juga laporan Pegawai Akhlak, majlis dibuka kepada ahli-ahli majlis untuk membincangkan masalah yang dihadapi oleh pembawa kes di dalam mengatasi masalah yang dihadapi oleh calon. Semasa perbincangan ini diadakan calon dibawa seketika ke dalam majlis untuk disoal selidik oleh ahli-ahli majlis.

Berdasarkan kepada pengalaman di tahun-tahun yang lepas sekolah ini telah dapat mengadakan sekurang-kurangnya 480 jam kerja-kerja kumpulan dalam setahun. Kerja-kerja kumpulan itu termasuklah perbincangan rumah, nasihat kumpulan dan bimbingan pasukan pakaian beragam - pasukan pakaian seragam, pasukan bulan sabit merah dan pasukan budak pengakap.

Setiap kali sekurang-kurangnya menyediakan 1 jam dalam sebulan untuk perbincangan rumah. Perbincangan ini diketuai oleh Pembantu Kebajikan Masyarakat. 'Perbincangan' lazimnya berkisar di sekitar perlakuan seseorang murid. Perbincangan ini sebenarnya lebih merupakan nasihat oleh Pembantu Kebajikan Masyarakat terhadap murid-murid yang terletak di bawah jagaan mereka.

(b) Pelajaran

Daripada jadual 3.5 ternyata sebahagian besar daripada budak-budak nakal yang berada di institusi ini terdiri daripada budak-budak yang hanya menerima pelajaran pada peringkat yang minima. Malah adalah tidak keterlaluan untuk diperkatakan masalah buta huruf adalah suatu fenomena yang lumrah di kalangan mereka.

Menyedari akan hakikat ini maka adalah menjadi satu tanggungjawab kepada institusi yang seumpama ini memberikan pelajaran kepada mereka. Semoga dengan adanya sedikit pengetahuan dalam bidang akademik dan voksyenal akan dapat membantu mereka untuk hidup di dalam masyarakat sebenar apabila mereka dibebaskan kesudiannya.

Natlamat pelajaran akademik yang diajar di sekolah ini hanya terhad pada peringkat yang asas sahaja. Dengan lain perkataan tujuannya bukanlah untuk membolehkan seseorang murid menduduki peperiksaan yang bersijil seperti Sijil Rendah Pelajaran atau Sijil Pelajaran Malaysia. Secara khusus ianya bertujuan untuk membolehkan seseorang murid membaca, menulis dan mengira.

Pelajaran akademik disampaikan oleh 4 orang guru berkelayakan yang dipinjamkan daripada Kementerian Pelajaran untuk berkhidmat di sekolah ini secara seperuh masa. Dua daripada mereka berbangsa Cina dan dua lagi berbangsa Melayu.

Pelajaran disampaikan di dalam Bahasa Malaysia. Mata-pelajaran-matapelajaran yang diajar ialah Bahasa Malaysia, Ilmu Hisab dan Tata Rakyat. Sukatan pelajaran bagi tiap-tiap matapelajaran yang diajar adalah berdasarkan Sukatan Pelajaran Kebangsaan.

Sebanyak 5 buah bilik darjah disediakan untuk mengajar pelajaran akademik. Setiap bilik darjah menampung murid-murid yang mempunyai taraf pencapaian yang agak sama antara satu sama lain. Darjah-darjah itu ialah seperti berikut:-

<u>Kelas</u>	<u>Sukatan Pelajaran</u>
Kelas Merah	Darjah 1 hingga 2
Kelas Hijau	Darjah 3 hingga 4
Kelas Kuning	Darjah 5 hingga 6
Kelas Biru	Tingkatan 1 keatas

Bagi murid-murid yang hendak menduduki peperiksaan bersijil mereka adalah dikecualikan daripada mengikuti pelajaran akademik dan vokesyenal. Selain daripada pengecualian ini mereka adalah dibenarkan menghadiri kelas-kelas akademik swasta yang terdapat di luar institusi ini.

Walaupun institusi ini menggalakkan murid-muridnya mengambil peperiksaan tetapi perbelanjaan seperti yuran pelajaran, yuran peperiksaan

dan tambang perjalanan tidak disediakan. Segala perbelanjaan adalah ditanggung oleh ibubapa atau penjaga murid yang berkenaan.

Jumlah mereka yang mengambil peperiksaan semasa kajian ini dijalankan ialah 9 orang. Dua daripadanya akan mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan yang selebihnya akan mengambil Sijil Rendah Pelajaran.

Sama seperti pelajaran akademik, latihan vokesyenal adalah merupakan salah satu aspek yang penting di dalam proses pemulihian akhlak budak-budak nakal. Secara umum, latihan vokesyenal yang diajar di institusi bertujuan untuk mencapai dua matlamat. Pertama untuk membentuk sikap yang 'responsif' terhadap pekerjaan dan yang kedua untuk membekalkan mereka dengan pengetahuan asas di dalam pekerjaan-pekerjaan pertukangan dan pertanian.

Sesuai dengan matlamat ini latihan vokesyenal yang disediakan lebih menitikberatkan latihan-latihan yang berbentuk latihan amali. Pelajaran teori kurang diberikan perhatian, ianya hanya diajar di peringkat yang paling asas sahaja.

Latihan vokesyenal dihendalikan oleh 6 orang jurulatih yang berkelayakan, seorang jurulatih pertanian, 2 orang jurulatih pertukangan kayu, 2 orang jurulatih motor mekanik dan kimpalan, seorang jurulatih jahitan dan seorang jurulatih gunting rambut. Kesemua jurulatih-jurulatih ini bekerja sepenuh masa kecuali jurulatih gunting rambut.

Peralatan latihan yang disediakan juga pada taraf yang

minima. Alat-alat pertukangan yang rumit seperti jentara tidak kedapatan. Latihan pertukangan kayu, jahitan dan motor mekanik-kimpalan diajar di bengkel-bengkel yang disediakan. Sebidang tanah seluas lima ekar disediakan untuk murid-murid yang mengikuti latihan pertanian.

Sama seperti pelajaran akademik, tidak semua murid-murid di institusi ini dimastikan secara berterusan mengikuti latihan-latihan vokesyenal yang terdapat di institusi ini. Berdasarkan kepada laporan Bulan April 1979 kedapatan seramai 50 orang daripada mereka yang dikecualikan daripada mengikuti latihan di dalam institusi. Mereka ini dibenarkan untuk bekerja di luar institusi, 49 daripadanya bekerja di syarikat-syarikat swasta yang berhampiran sementara seorang lagi bekerja sebagai budak pejabat di Kementerian Kebajikan Am.

Kebenaran bekerja di luar hanya diberikan kepada murid-murid yang telah berada di sekolah ini sekurang-kurangnya 6 bulan dengan rekod kelakuan yang baik. Kemahiran tidak dipentingkan, memadai dengan sihat tubuh badan dan tekun di dalam melakukan pekerjaan. Pemilihan ini dilakukan oleh Ketua Pembantu Kebajikan Masyarakat dengan sokongan kakitangan-kakitangan yang lain khususnya Pembantu Kebajikan Masyarakat dan guru-guru vokesyenal.

Sementara itu setiap syarikat yang menjadi majikan pula adalah disyaratkan antara lainnya syarikat yang berkenaan hendaklah (a) membayar upah sekurang-kurangnya \$70 sebulan tidak termasuk wang makan (b) terus menerima mereka (murid-murid) sebagai pekerja tetap apabila dibebaskan (c) menyediakan kenderaan pergi balik bagi syarikat-

syarikat yang jauh dan (d) memberikan pengawasan yang khusus kepada setiap murid yang berkenaan.

Selain daripada pelajaran akademik dan latihan vokesyenal pelajaran ugama juga disediakan. Dua orang guru ugama Islam ditugaskan secara separuh masa untuk mengajar ugama Islam kepada murid-murid yang berugama Islam. Pelajaran ugama telah diajar setiap malam selama satu jam. Untuk murid-murid yang berugama Buddha dan Hindu tiap-tiap satu disediakan dengan seorang guru. Pelajaran ugama Buddha dan Hindu hanya diajar satu jam dalam seminggu. Murid-murid yang berugama Kristian dan Sikh hanya dibawa ke gereja dan kuil sahaja.

Tempat ibadat yang khusus untuk upacara keugamaan bagi ugama Islam, Buddha dan Hindu juga disediakan. Bagi murid-murid yang berugama Islam, mereka dibawa ke masjid setiap hari Jumaat untuk menunaikan Sembahyang Jumaat.

(c) Lain-lain Aktiviti

Selain daripada 'character training' dan 'vocational training' latihan yang berbentuk fizikal physical training juga tidak ditinggalkan.

Latihan fizikal seperti permainan dan olahraga penting di dalam institusi yang seumpama ini atas dua sebab utama. Pertama, iaanya penting untuk pertumbuhan tubuh badan yang sihat dan yang kedua, iaanya penting untuk menghindarkan daripada perasaan yang membosankan akibat ditahan terlalu lama di institusi ini. Di samping dua tujuan utama ini melalui aktiviti kesukanan dan olahraga juga iaanya berguna sebagai

satu cara pencapaian status. Adalah menjadi satu kebanggaan kepada seseorang murid yang berjaya di dalam satu-satu pertandingan yang disertainya.

Aktiviti kesukanan yang dianjurkan termasuklah permainan bola sepak, bola tampar, sepak raga dan juga olahraga. Semua aktiviti kesukanan ini dipertandingkan antara sekolah sekali dalam setahun. Di samping pertandingan kesukanan di dalam sekolah, bagi murid-murid yang mempunyai bakat kesukanan dibawa pula menyertai pertandingan-pertandingan kesukanan yang dianjurkan oleh agensi-agensi lain seperti pertandingan berjalan kaki yang dianjurkan oleh Malay Mail.

Melakukan lawatan dan perkelahan adalah merupakan salah satu aktiviti yang dianjurkan. Sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan murid-murid dibawa keluar untuk melawat bandar Kuala Lumpur semada untuk bersiar-siar, menonton wayang atau membeli belah. Perkelahan diadakan sekali dalam setahun iaitu selama satu minggu. Tempat perkelahan yang dipilih ialah pantai Port Dickson. Semua murid-murid dan sebilangan besar kakitangan sekolah akan menyertai upacara ini.

4.3 Beberapa Masalah Utama Di Dalam Proses Pemulihan

Kakitangan yang tidak mencukupi adalah merupakan satu masalah di dalam melaksanakan rangka kerja program pemulihan yang telah ditetapkan. Kekurangan ini boleh dilihat dari dua sudut; pertama, dari segi bilangan (jumlah) dan kedua, dari segi mutu.

Di peringkat pentadbiran kekurangan ini kurang dirasakan tetapi tidak di peringkat pelaksanaan program-program pemulihan.

Hampir semua kerja-kerja pemulihan terletak di atas bahu Pembantu Kebajikan Masyarakat yang jumlahnya seramai 10 orang. Jika jumlah ini dibandingkan dengan jumlah murid-murid kita tidak akan nampak kelemahannya, kerana secara purata seorang Pembantu Kebajikan Masyarakat hanya perlu mengawas seramai 12 orang murid-murid sahaja. Tetapi jika ditinjau dari segi tugas dan peranan mereka maka ternyata masih ada kelemahannya. Secara umumnya seseorang Pembantu Kebajikan Masyarakat dibebankan dengan pelbagai tanggungjawab, dari seorang pengawas membawa kepada seorang penasihat.

Dilihat dari segi peranan seseorang Pembantu Kebajikan Masyarakat ternyata tanggungjawab yang dibebankan kepada mereka memerlukan mereka — mempunyai latihan yang khusus supaya tanggungjawab itu dapat dilaksanakan dengan baik. Daripada temuramah yang telah dijalankan ternyata keperluan ini tidak diperolehi. Justeru itu tidaklah keterlaluan jika dikatakan mutu perkhidmatan yang diberikan adalah kurang memuaskan.

Masalah proses pemulihan yang kedua ialah yang berkaitan dengan kelengkapan-kelengkapan dan kedudukan institusi ini dari segi topografi. Peralatan-peralatan pemulihan yang disediakan hanya pada kadar yang minima. Peralatan untuk latihan vokesyenal misalnya di-depati terdiri daripada alat-alat yang telah lama dan bilangannya yang terhad. Begitu juga dengan peralatan di dalam kelas-kelas akademik. Secara keseluruhan bangunan-bangunan yang terdapat di institusi ini juga terdiri daripada bangunan-bangunan lama yang kurang sesuai untuk mengujukan iklim persekitaran yang menarik.

Dari segi topografi, institusi ini yang terletak di atas sebuah bukit setinggi lebih kurang 350' juga merupakan satu masalah. Bangunan-bangunan didirikan secara bertingkat-tingkat dari bahagian kaki bukit hingga ke kemuncaknya menyebabkan terjadinya kesukaran dalam melakukan kerja pengawasan dan bimbingan.

Peraturan yang memestikan setiap murid bertugas secara bergilir-gilir di dapur juga merupakan satu halangan di dalam proses pemulihan. Peraturan ini menyebabkan murid-murid yang bertugas di dapur terpaksa meninggalkan pelajaran mereka di kelas-kelas akademik.

Sejak kebelakangan ini institusi ini telah dihadapkan dengan satu masalah baru dalam kontek proses pemulihannya. Masalah ini berpunca daripada murid-murid yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Seperti mana yang dimaklumi matlamat sekolah ini secara khususnya bukan bertujuan untuk memulihkan penagih-penagih dadah.

Secara perbandingan dengan murid-murid lain, mereka adalah lebih sukar untuk dikawal dan diberikan bimbingan. Mereka kerap melakukan kesalahan dengan melanggar peraturan-peraturan yang terdapat di institusi ini.

Bab ini secara keseluruhannya telah menghuraikan program-program pemulihan yang terdapat di institusi ini. Sejauh mana berjayanya program-program yang disediakan ini mencapai matlamat yang hendak dicapai adalah merupakan satu persoalan yang agak sukar untuk ditentukan secara tepat. Justeru itu satu penilaian kekesanannya pemulihan secara objektif hendaklah dilakukan. Penilaian ini akan dibincangkan di dalam bab yang berikutnya.

BAB V

PENILAIAN PROSES DAN PROGRAM PEMULIHAN

5.1 Pendahuluan

Kekesahanan proses pemulihan boleh diukur melalui dua cara; pertama setelah pesalah dibebaskan daripada institusi pemulihan dan kedua, semasa pesalah berada dalam penjara atau di institusi pemulihan.⁴⁴

Menerusi cara yang pertama, pesalah-pesalah yang telah dibebaskan daripada institusi pemulihan secara bersyarat (*seliaan*) boleh dibahagikan kepada 3 kategori untuk mengukur sejauh mana individu itu telah berjaya dipulihkan; pertama, pesalah-pesalah yang tidak melakukan sebarang kesalahan; kedua pesalah-pesalah yang jarang melakukan kesalahan dan ketiga, pesalah-pesalah yang dimasukkan semula ke institusi-institusi pemulihan.

Cara penilaian yang kedua pula adalah berdasarkan kepada program-program pemulihan yang disediakan dan juga perubahan sikap pesalah semasa berada di institusi-institusi pemulihan, misalnya, sikap terhadap kebiasaan bekerja, penggunaan masa lapang dengan cara-cara yang berfaedah dan sebagainya.

Disebabkan oleh ketiadaan data-data yang mencukupi untuk

⁴⁴ Roger Hood and Richard Sparks, Key Issues in Criminology, London: World University Library, 1970, hal. 171 - 176.

menganalisa kekesan pemulihan dengan menggunakan cara yang pertama, maka penilaian kekesan proses pemulihan yang dijalankan oleh institusi ini akan dinilai menerusi kriteria kedua. Dua pendekatan akan digunakan untuk menilai kekesan pemulihan menerusi kriteria kedua; pertama pendekatan teori pemulihan dan kedua pendekatan empirikal.

Pendekatan teoritikal akan digunakan bagi membolehkan penilaian program-program pemulihan yang dilaksanakan sementara pendekatan empirikal pula bertujuan untuk menilai sikap budak-budak terhadap proses pemulihan yang dijalankan oleh institusi ini.

5.2 Penilaian Sikap dan Prosesnya

Salah satu syarat utama sebelum seseorang dapat menghayati pembaharuan yang hendak dibawa kepadanya dia hendaklah terlebih dahulu mempunyai persepsi atau sikap yang positif terhadap pembaharuan yang hendak diperkenalkan kepadanya.

Issue pokok yang timbul daripada kenyataan di atas, adakah sikap yang seumpama ini kedapat di kalangan budak-budak di Sekolah Laki-Laki Sungai Besi. Untuk menjawab persoalan ini, tiga aspek yang berkaitan dengan sikap akan diberikan perhatian. Pertama, sikap terhadap institusi ini. Kedua, sikap terhadap kakitangan pemulihan dan ketiga, sikap terhadap program-program pemulihan.

Sikap terhadap institusi akan ditinjau daripada dua jangka masa yang berbeza, pertama sikap pada peringkat awal semasa di institusi ini dan kedua, sikap setalah berada di institusi ini selama beberapa bulan.

Dua soalan telah dikemukakan untuk meninjau sikap mereka terhadap institusi ini. Pertama, 'Apakah perasaan saudara semasa saudara mula sampai di sekolah ini', jawapannya lihat Jadual 5.1, soalan yang kedua pula, 'apakah perasaan saudara sekarang', lihat Jadual 5.2.

Jadual 5.1

Jawapan Soalan 1 dan Kaitannya Dengan Budak-Budak Tertentu Mengikut Jenis Kesalahan

Bil.		Jenis Kesalahan				Jumlah Kecil	Peratus Kecil
		1	2	3	4		
1.	Rasa hendak lari (Gelisah)	10	15	16	8	49	76.6
2.	Gembira	3	1	-	7	11	17.2
3.	Seperti biasa	1	-	-	-	2	3.1
4.	Tiada jawapan	2	-	-	-	2	3.1
Jumlah Besar		16	16	16	16	64	

- Catatan: 1 - mencuri dan pecah rumah
2 - peras ugut dan kesalahan jantina
3 - dadah
4 - tidak terkawal dan perlindungan

Jawapan dari Jadual 5.1 menunjukkan sikap mereka pada peringkat awal berada di institusi ini adalah negatif, di mana hanya 11 (17.2%) orang sahaja daripada jumlah 64 orang yang diselidiki menunjukkan sikap yang positif.

Sebagian besar daripada budak-budak yang menunjukkan sikap

yang negatif adalah terdiri daripada budak-budak yang terlibat dengan kesalahan-kesalahan yang berbentuk jenayah dan dadah. Budak-budak yang terlibat dengan dadah menunjukkan kadar sikap negatif yang tertinggi sekali. Sementara sikap yang positif pula kadarnya adalah tinggi di kalangan budak-budak yang memerlukan perlindungan dan tidak terkawal iaitu 7 orang daripada 16 orang yang diselidiki.

Terdapat beberapa faktor mengapa sikap negatif terhadap institusi ini terlalu tinggi jika dibandingkan dengan sikap yang positif. Pertama ianya ada kaitan dengan jenis-jenis kesalahan atau sebab-sebab tertentu mengapa mereka dimasukkan ke institusi ini. Budak-budak yang terlibat dengan dadah misalnya, apabila mereka dimasukkan ke institusi ini bermakna mereka terpaksa melawan kehendak yang timbul akibat daripada ketagihan dadah. Dengan ini tentulah mereka merasakan bahawa institusi ini sebagai suatu tempat yang menyaksa diri mereka.

Faktor yang kedua, bersabit dengan penerangan yang diberikan kepada mereka. Mereka tidak tahu apakah tujuan sebenar mereka dimasukkan ke institusi ini, lihat Jadual 5.2.

Jadual 5.2 menunjukkan sebahagian besar daripada responden yang dikaji tidak tahu mengapa atau tujuan mereka dimasukkan ke institusi ini. Hanya 26 orang sahaja (40.6%) daripada 64 orang responden memberikan jawapan yang positif. Responden-responden yang memberikan jawapan 'sebab saya buat salah', 'tidak tahu', 'lain-lain jawapan' dan 'tiada jawapan' boleh dianggap sebagai mereka yang tidak tahu tujuan mereka dimasukkan ke institusi ini.

Jadual 5.2

Jawapan Kepada Soalan 'Tahukah Saudara Mengapa
Saudara Dihantar Ke Sekolah Ini'. Jawapan
Dari Murid-Murid Dari Kategori
Jenis-Jenis Kesalahan

Bil.	Jawapan	Jenis Kesalahan				Jumlah Kecil	Peratus Kecil
		1	2	3	4		
1.	Untuk jadi baik	10	2	4	10	26	40.6
2.	Sebab saya buat salah	4	14	2	3	23	35.9
3.	Tidak tahu	1	-	4	-	5	7.8
4.	Lain-lain jawapan	1	-	5	-	6	9.4
5.	Tiada jawapan	-	-	1	3	4	6.3
Jumlah Besar		16	16	16	16	64	100

Catatan: 1 - mencuri dan pecah rumah

2 - peras ugut dan kesalahan jantina

3 - dadah

4 - tidak terkawal dan perlindungan

Faktor yang ketiga adalah berkaitan dengan layanan awal pada peringkat awal mereka dimasukkan ke institusi ini, di mana setiap budak-budak baru dimestikan bekerja di dapur. Layanan yang seumpama ini menyebabkan kegelisahan yang telah tersedia ada pada diri mereka bertambah dengan menganggap institusi ini sebagai suatu tempat 'deraan' terhadap budak-budak yang terlibat dengan perlanggaran undang-undang.

Apabila responden yang sama ditanya, 'bagaimana pula perasaan saudara sekarang', jawapan lihat Jadual 5.3.

Jadual 5.3

Jawapan Kepada Soalan 'Apakah Perasaan
Saudara Sekarang, Mengikut Jenis
Kesalahan Yang Dilakukan

Bil.	Jawapan	Jenis Kesalahan				Jumlah Kecil	Peratus Kecil
		1	2	3	4		
1.	Gembira	2	1	2	9	14	21.9
2.	Hendak keluar segera	13	15	14	6	48	75.0
3.	Lain-lain jawapan	-	-	-	1	1	1.6
4.	Tiada jawapan	1	-	-	-	1	1.6
Jumlah Besar		16	16	16	16	64	100

Catitan: 1 - mencuri dan pecah rumah
2 - peras ugut dan kesalahan jantina
3 - dadah
4 - tidak terkawal dan perlindungan

Secara umumnya tidak terdapat perubahan yang besar di antara jawapan yang diberikan di antara Jadual 5.1 dengan Jadual 5.3. Responden 5.1 yang menunjukkan sikap yang negatif terhadap institusi ialah 49 orang (76.6%) sementara Jadual 5.3 jumlahnya 48 orang (75.6%) merosot seorang. Sikap positif pula, jumlah responden dari Jadual 5.1 ialah 11 orang (17.2%) sementara Jadual 5.3 pula berjumlah 14 orang (21.9%), pertambahan sebanyak 3 orang responden.

Tiadanya perubahan sikap yang besar di antara dua jangka masa yang berbeza ini adalah disebabkan oleh keadaan persekitaran institusi ini yang lebih bersifat menekan terhadap penghuni-penghuninya. Cara hidup yang rigid dengan jadual waktu harian yang bersifat routinization menyebabkan mereka berasa bosan dan gelisah untuk tinggal lebih

lama di institusi ini.

Aspek sikap yang kedua ialah berhubung dengan perhubungan di antara penghuni-penghuni dengan kakitangan-kakitangan pemilihan. Untuk melihat jalinan perhubungan ini; 6 orang responden telah dipilih daripada tiap-tiap Pembantu Kebajikan Masyarakat menjadikan jumlah respondennya 60 orang (6×10 pembantu kebajikan masyarakat); 20 orang responden daripada tiap-tiap seorang guru akademik menjadikan jumlah respondennya 60 orang (20×3 orang guru akademik); 15 orang responden daripada tiap-tiap seorang guru vokesyenal menjadikan jumlahnya 60 orang (15×4 orang guru vokesyenal), lihat Jadual 5.4.

Jadual 5.4

Jalinan Perhubungan Penghuni Kakitangan

Bil.	Bentuk-Bentuk Perhubungan	Jenis Kakitangan			Jumlah Kecil	Peratus Jawapan
		1	2	3		
1.	Sangat gembira	5	3	6	14	53.3
2.	Gembira	29	27	26	82	
3.	Tidak gembira	19	16	22	57	43.9
4.	Benci	4	14	4	22	
5.	Tidak tahu (tiada jawapan)	3	-	2	5	2.8
Jumlah Besar		60	60	60	180 ⁺	100

Catatan:

1 - Pembantu Kebajikan Masyarakat

2 - Guru Akademik

3 - Guru Vokesyenal

4 - Jumlah ini ialah jumlah jawapan dan bukan jumlah

responden yang telah dipilih mengikut kategori

Berdasarkan Jadual 5.4, secara umumnya dapatlah disimpulkan bahawa jalinan perhubungan di antara budak-budak dengan kakitangan pemulihian, secara keseluruhannya tidaklah begitu memuaskan. Walaupun peratus jawapan yang menunjukkan sikap yang positif terhadap kakitangan pemulihian mengatasi peratus jawapan yang menunjukkan sikap yang negatif terhadap kakitangan pemulihian tetapi kelebihan peratus itu tidak meyakinkan kita untuk membuat satu kesimpulan di keadaan yang sebaliknya.

Sikap yang negatif terhadap kakitangan pemulihian adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor yang utama ialah disebabkan oleh jurang perbezaan yang luas di antara kedua-dua pihak.

Kehadiran mereka di institusi ini secara umumnya mewakili dua golongan manusia; pertama, golongan yang dianggap sebagai golongan yang mematuhi undang-undang (kakitangan pemulihian) sementara golongan yang kedua, dianggap sebagai golongan yang telah didapati bersalah kerana melanggar undang-undang.

Golongan yang superior (kakitangan pemulihian) mempunyai jangkaan yang negatif terhadap golongan inferior (budak-budak), mereka kerap dilayan berdasarkan jangkaan ini. Sebagai golongan yang inferior mereka hendaklah menghormati golongan yang superior, dalam hal ini Pengetua dan Timbalan Pengetua dipanggil dengan gelaran 'tuan' sementara kakitangan-kakitangan lain dipanggil dengan gelaran 'encik'.

Aspek sikap yang ketiga ialah berkaitan dengan sikap penghuni-penghuni institusi ini terhadap latihan vokesyenal yang sedang mereka ikuti. 15 orang responden telah dipilih daripada tiap-tiap kategori

latihan vokesyenal, ini menjadikan jumlah responden yang **disoal selidik** berjumlah 60 orang (15×4 jenis latihan vokesyenal), lihat Jadual 5.5.

Jadual 5.5

Darjah Minat Terhadap Latihan-Latihan Vokesyenal
Yang Diikuti

Bil.	Jawapan	Jenis-Jenis Latihan				Jumlah Kecil	Peratus
		1	2	3	4		
1.	Sangat Berminat	1	1	-	-	2	3.3
2.	Berminat	12	13	9	7	41	68.0
3.	Tidak berminat	2	1	5	6	14	23.3
4.	Tidak tahu/ tiada jawapan	-	-	1	2	3	5.0
Jumlah Besar		15	15	15	15	60	100

- Catitan: 1 - tukang kayu
2 - motor mekanik
3 - jahitan
4 - pertanian

Secara perbandingan dengan sikap terhadap institusi dan kakitangan pemulihian, sikap terhadap latihan yang diikuti lebih menunjukkan sikap yang positif daripada sikap negatif.

Persoalan pokok yang harus diselesaikan di sini, adalah hanya dengan sikap yang positif sahaja sudah memadai untuk menjamin seseorang memiliki kemahiran dalam bidang-bidang yang tertentu untuk memudahkan mereka mendapatkan pekerjaan apabila dibebaskan daripada institusi pemulihian. Untuk menjawab persoalan ini maka perlulah dikaji dan dinilai terlebih dahulu program dan proses pemulihian yang terdapat di institusi ini.

Latihan kemahiran pertukangan 'vokesyenal' adalah merupakan salah satu aspek yang penting di dalam setiap institusi pemuliharan akhlak. Dengan posessi kemahiran vokesyenal ianya boleh membantu bekas-bekas pesalah mendapatkan pekerjaan yang stabil.

Matlamat latihan vokesyenal yang disediakan di institusi ini pada dasarnya bukan bertujuan untuk memberikan pencapaian taraf kemahiran vokesyenal yang tertentu kepada murid-muridnya. Seperti mana yang telah dijelaskan lebih awal, matlamat yang ingin dicapai darinya ialah, untuk membina sikap yang responsif terhadap pekerjaan.

Selari dengan dasar ini, maka peralatan fizikal latihan vokesyenal yang disediakan adalah terhad pada taraf yang minima. Oleh kerana peralatan yang minima maka latihan amali dan teori yang disampaikan juga adalah pada taraf yang minima.

Latihan amali yang terbatas, secara langsung dapat memberikan gambaran kepada kita tentang sejauh mana berjayanya matlamat pimpinan sikap yang responsif terhadap pekerjaan boleh dicapai oleh institusi ini. Apabila dikatakan latihan yang terbatas bermakna kuranglah pekerjaan yang dapat dilakukan, kurang pekerjaan yang dilakukan bermakna kuranglah berjayanya institusi ini untuk membina sikap yang responsif terhadap pekerjaan di kalangan penghuni-penghuninya.

Adalah dipercayai, dasar latihan vokesyenal yang terbatas ini bukanlah suatu dasar yang direstui oleh Kementerian Kebajikan Am Malaysia. Tetapi ianya mempunyai kaitan dengan dasar negara seluruhnya di mana Kementerian Kebajikan Am dari segi prioritinya tidaklah begitu diutamakan jika dibandingkan dengan kementerian-kementerian lain,

umpamanya Kementerian Pertahanan. Akibat daripada dasar ini, maka setiap agensi yang diletakkan di bawah Kementerian Kebajikan Am terpaksa lah disesuaikan dengan dasar induk yang telah ditetapkan.

Sebagai jalan keluar institusi ini telah menganjurkan satu projek yang dikenali sebagai projek kerja luar. Di bawah projek ini murid-murid yang tertentu dibenarkan keluar bekerja di luar institusi.

Projek ini dari satu segi ada kebaikannya. Pertama, ianya dapat menanamkan sikap bertanggungjawab terhadap dirinya dan memahami dengan lebih cepat erti hidup yang sebenar serta membina sikap kedewasaan pada diri mereka. Kedua, ianya dapat menyediakan pekerjaan kepada mereka setelah mereka dibebaskan daripada institusi pemulihian.

Walaupun bagaimanapun dari sudut yang lain projek ini terdapat pula beberapa kelemahan. Pertama, jenis pekerjaan yang mereka lakukan adalah tidak sesuai dengan tujuan asas projek ini, iaitu untuk memberi kemahiran kepada murid-muridnya. Pekerjaan yang mereka lakukan rata-rata sebagai pekerja am yang dari segi pembelajaran kemahiran tidak membawa banyak faedah. Kelemahan yang kedua terjadi apabila mereka dilayan secara negatif oleh rakan-rakan sekerja mereka yang lain. Layanan yang seumpama ini boleh menyebabkan mereka bertindakbalas secara kasar. Di samping itu ianya juga memungkinkan ketebalan taraf stigma pada diri mereka yang mana ini memungkinkan mereka untuk melakukan 'pelencongan kedua'.

Di peringkat perbincangan rumah, di samping masanya yang terhad, perbincangan ini sebenarnya bukanlah perbincangan dalam ertikata

yang sebenar. Ianya lebih merupakan satu majlis perjumpaan formal di antara Pembantu Kebajikan Masyarakat dengan murid-murid dalam satu-satu kem. Pembantu Kebajikan Masyarakat hanya memberi nasihat kepada anak buah mereka supaya berkelakuan baik dengan mematuhi undang-undang yang terdapat di institusi ini. Murid-murid tidak mengambil bahagian yang cergas semasa perbincangan ini diadakan, mereka lebih bersifat pasif dengan hanya mendengar sahaja amaran dan nasihat yang disampaikan oleh Pembantu Kebajikan Masyarakat.

Aktiviti kumpulan kurang diberikan perhatian secara serious. Pencapaian status yang sah dalam kumpulan juga terhad, pencapaian status dalam kumpulan lebih berdasarkan kriteria-kriteria yang negatif seperti kehandalan seseorang murid semasa mereka belum dimasukkan ke institusi ini. Peranan ketua kumpulan juga terhad, mereka lebih diharapkan untuk menjadi mata dan telinga kepada kakitangan pemulihian. Perlantikan ketua kumpulan sukar untuk mendapat persetujuan yang menyeluruh daripada murid-murid lain di dalam satu-satu kem. Perbezaan sikap, nilai dan bangsa merupakan halangan yang utama.

Cara kenaikan pangkat pada asasnya lebih berdasarkan kepada jangka masa seseorang murid berada di institusi ini. Penilaian pencapaian berdasarkan sikap kurang diperhatikan, memadai sekiranya mereka (murid-murid) tidak melakukan kesalahan yang boleh melibatkan corporal punishment. Penilaian yang berdasarkan kepada jangka masa ini sebenarnya disebabkan oleh peruntukan yang telah ditetapkan oleh statute di mana seseorang pesalah budak-budak tidak boleh ditahan lebih daripada tiga tahun di institusi-institusi pemulihian remaja-remaja.

Sistem pemberian pangkat juga tidak menghilangkan kira tentang kategori kesalahan yang dilakukan oleh seseorang budak. Setiap orang budak tanpa menghiraukan jenis kesalahan yang dilakukan ditetapkan pangkat awalnya dengan pangkat 'D'. Ketetapan ini menyebabkan pembebasan setiap orang murid tidak jauh berbeza antara satu sama lain. Dengan ini secara tidak langsung satu diskriminasi telah berlaku di mana mereka yang sepatutnya dibebaskan lebih awal telah dinafikan hak mereka.

Kelemahan juga terjadi di peringkat pengelasan murid-murid ke dalam satu-satu jenis program pemulihan yang berbentuk latihan vokesyenal. Kerja pengelasan tidak dilakukan oleh satu badan yang khusus, sebaliknya ianya dilakukan oleh guru-guru vokesyenal yang mengajar dalam bidang-bidang yang tertentu, misalnya guru pertanian akan menilai minat dan taraf pencapaian seseorang murid dalam bidang pertanian begitulah seterusnya dengan penilaian di bidang-bidang yang lain. Oleh kerana penilaian pencapaian seseorang murid dalam satu-satu lapangan dilakukan secara berasingan maka taraf penilaian yang diberikan tentulah tidak didasarkan kepada satu dasar penilaian yang standard.

5.3 Penutup

Berdasarkan kepada penguraian yang agak pesimis di atas adalah agak keterlaluan untuk kita menganggap bahawa institusi ini telah gagal sama sekali di dalam menjalankan tugasnya sebagai sebuah institusi pemulihran akhlak remaja-remaja nakal.

Jika ditinjau dari sudut kegagalan, terdapat 3 faktor utama yang telah mendorong kepadaanya, pertama disebabkan oleh kelemahan di dalam program-program pemulihan yang disediakan; kedua, disebabkan oleh terdapatnya perbezaan yang besar di dalam kategori kesalahan yang dilakukan seseorang budak dan ketiga disebabkan oleh label masyarakat terhadap institusi ini serta penghuni-penghuninya.

Bersekutunya budak-budak yang melakukan kesalahan yang kurang serious dengan budak-budak yang melakukan kesalahan yang serious memungkinkan mereka (budak-budak yang tidak melakukan kesalahan yang serious) mempelajari teknik-teknik penjenayahsan yang serious seperti peras ugut daripada budak-budak yang dimasukkan ke institusi ini kerana kesalahan tersebut (peras ugut). Selain daripada teknik, mereka juga mungkin akan mempelajari arah, motif dan rasionalisasi seperti mana yang disarankan oleh Sutherland.

Dari kacamata masyarakat pula, institusi yang seumpama ini lebih dikenali dengan gelaran 'sekolah jahat'. Masyarakat lebih cenderung untuk menganggap mereka sebagai budak-budak jahat, walaupun setelah mereka dibebaskan daripada institusi-institusi pemulihian akhlak. Label ini memungkinkan budak-budak yang dimasukkan ke institusi atas kesalahan jenayah untuk melakukan jenayah yang kedua apabila mereka dibebaskan daripada institusi-institusi pemulihian. Dalam masa yang sama ianya memungkinkan pula budak-budak yang dimasukkan ke institusi pemulihian ini bukan atas sebab jenayah untuk melakukan jenayah apabila dibebaskan daripada institusi ini.

Jika ditinjau dari sudut kejayaannya pula, pada asasnya kejayaan itu bukanlah disebabkan oleh program-program pemulihan yang disediakan. Faktor yang lebih dominant ialah suasana di institusi ini yang lebih merupakan sebuah institusi yang cendong ke arah ciri-ciri 'deraan'. Deraan yang mereka terima semasa di institusi ini menjadi satu deterrence khusus kepada mereka untuk tidak melakukan kesalahan dalam jangka masa yang tertentu setelah dibebaskan daripada institusi ini.

Selain daripada deraan, ada sarjana-sarjana saikologi yang berpendapat, kenakalan adalah satu fenomena yang universal dalam dunia remaja, seseorang remaja akan pulih menjadi seorang manusia yang normal apabila mereka telah mencapai taraf kematangan yang tertentu apabila usia mereka meningkat lebih tua. Berdasarkan haipotesis ini, seolah-olah pemulihan akhlak adalah tidak perlu, kerana kenakalan akan pulih secara otomatis. Haipotesis ini secara rasionalnya kurang tepat, ianya boleh berlaku pada keadaan di sebaliknya di mana kenakalan pada peringkat remaja mungkin merupakan atau menjadi asas kepada perlakuan jenayah pada masa hadapan.

Sejauh mana benarnya haipotesis-haipotesis yang menyokong aspek kejayaan dan kegagalan oleh institusi ini terpulanglah kepada penuntut-penuntut pelencongan dan rawatan khususnya untuk mengkaji haipotesis ini melalui kajian-kajian yang saintifik di masa-masa hadapan.

BIBLIOGRAPHY

- Bloc, Herbert and Gilbert Gies
Man, Crime and Society, New York, Random House, 1967.
- Bean, Philip
Rehabilitation and Deviance, (2nd Edition), Routledge and Kegan Paul Ltd.
- Bartollas, Clemens and Stuart J. Miller
Correctional Administration: Theory and Practice, McGraw-Hill, Inc. 1978.
- Coffey, Alan R.
Juvenile Corrections: Treatment and Rehabilitation, Prentice-Hall, Inc. Englewood Cliffs, New Jersey, 1975.
- Chapman, Jane Roberts and Margaret Gates (Eds.)
The Victimization of Women, Sage Publications, Inc. 1978.
- Eldefonso, Edward and Walter Hartinger
Control, Treatment and Rehabilitation of Juvenile Offenders. Macmillan Publisher, London.
- Frank, Benjamin (Eds.)
Contemporary Correction: A Concept in Search of Content, Reston Publishing Company Inc., 1973.
- Giallombardo, Rose
Juvenile Delinquency: A Book of Reading (2nd Edition), New York, John Wiley and Sons, 1972.
- Gibbons, Don C.
Delinquent Behaviour, Englewood Cliffs, New Jersey, Prentice-Hall, 1970.
- Hood, Roger and Richard Sparks
Key Issues in Criminology, Roger Hood and Richard Sparks, 1970.
- Lemert, Edwin M.
Human Deviance, Social Problems, and Social Control (2nd Edition), Prentice-Hall, Inc. Englewood Cliffs, New Jersey, 1972.
-
- Social Pathology, New York, McGraw-Hill, 1951.

- Merton, Robert K. and Robert Nisbet (Eds.)
Contemporary Social Problems (4th Edition), New York,
Harcourt Brace Jovanovic, 1971.
- McDongah, Edward C. and Jon E. Simson (Eds.)
Social Problems: Persistent Challenges, Holt, Rinehart
and Winston, Mc., 1965.
- McGrath, W.T. (eds.)
Crime and Its Treatment in Canada, The Macmillan Company
of Canada Limited, 1965.
- Mays, John Barron
Crime and Its Treatment (2nd Edition), Longman Group
Ltd., 1975.
- Morris, Norval dan F. Zimming
'Deterrence and Correction' dalam The Annals, Vol. 381,
January 1969.
- Malaysia
Juvenile Court Act, 1947 (Revised 1952), Kuala Lumpur,
Percetakan Kerajaan, 1972.
- Malaysia
Social Welfare Services in Malaysia, Kuala Lumpur,
Kementerian Kebajikan Am, 1970.
- Malaysia
Laporan Kajian Penghuni-penghuni Pusat Pemulihan Wanita
dan Gadis Yang Ditadbir oleh Kementerian Kebajikan Am,
Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Penilaian,
Kementerian Kebajikan Am Malaysia, 1974.
- Reed, John P. and Fuad Baali (Eds.)
Faces of Delinquency, Prentice-Hall, Englewood Cliffs,
New Jersey, 1972.
- Rowson, C.P.
Annual Report of The Department of Social Welfare, 1947,
Kuala Lumpur, Government Press, 1948.
- Sutherland, Edwin H. and Donald H. Cressey
Criminology (10th Edition), J.B. Lippincott Company, 1978.
- Tappan, Paul W. (Eds.)
Contemporary Corrections, McGraw-Hill Book Company Inc.,
1957.
- Trozanowicz, Robert C.
Juvenile Delinquency: Concept and Control (2nd Edition),
Prentice-Hall Inc., Englewood Cliff, New Jersey, 1978.

United Nations

Congress on the Prevention of Crime and Treatment of Offenders, Department of Economic and Social Affairs, New York, 1970.

Wolfgang, Marvin E.; Leonard Savitz and Norman Johnston (Eds.)
Sociology of Crime and Delinquency (2nd Edition),
New York, John Wiley and Sons, 1970

Bahan-Bahan Yang Tidak Diterbitkan

Ahmad Zaki Bin Haji Husin

Kerosakan Akhlak Budak-Budak (Pencegahan dan Pemulihian), Kertas Projek, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.

Jumadi Kandar

Satu Kajian Phenomenological Tentang Latarbelakang Sosio Ekonomi Penyalahguna-Penyalahguna Dadah, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1977.

Muhammad b. Jaafar

Budak-Budak Nakal Melayu Di Sekolah Budak-Budak Nakal Singapura, Universiti Malaya, 1961.

Laporan

Laporan Tahunan 1978, Sekolah Laki-Laki Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Laporan Pegawai Akhlak

Berita Kebajikan, Jilid 7, Bil. 1, Januari/Februari/Mac 1978.

BUDGET PENGETAHUAN DAN PENGELUARAN

Perchidikanan Pengetahuan Akhlak.

Asrama Akhlak

Tugasan-Tugasan Akhlak.

Belangan Lebih-Banyak Mengel. Haji.

1. Asrama Pokok Sena, Alor Star, Kedah.

2. Asrama Paya Terubong, Air Hitam, Pulau Pinang.

3. Asrama Silibin, Ipoh, Perak.

4. Asrama Sentosa, Sentul, Kuala Lumpur.

5. Asrama Bukit Baru, Melaka.

6. Asrama Bukit Senyum, Bukit Senyum, Johor Baru, Johor.

7. Asrama Kamaruddin, Kuala Trengganu.

8. Asrama Bahagia Kg. Pandan, Kuala Lumpur.
(Untuk budak perempuan)

9. Asrama Kota Kinabalu, Sabah.

Perchidikanan dan Pengeluaran	Pengeluaran	Pembelanjaan	Bersambutan yang di-
Pengetahuan dan Pengeluaran	Pengetahuan	dikemasukkan dalam buku	perolehan buku
PERCHIDIKAN DAN PENGETAHUAN			
JALURAN DAN PENGANGKUTAN			
1. Jalan	3,900	4,255	4,255
2. Jambatan	200	120	120
3. Pelabuhan	600	945	945
4. Bandar	7,000	7,000	7,000
5. Perniagaan	1,000	1,950	1,950
6. Sekolah	175	280	280
7. Rumah sakit	109,693	173,740	173,740
8. Pusat perbelanjaan	20,412	26,415	26,415
9. Tempat ibadah	3,500	1,609	1,609
10. Hotel	176,903	215,114	215,114
11. Lain-lain			
JUMLAH KECIL			
PERCHIDIKAN DAN PENGETAHUAN			
JALURAN DAN PENGANGKUTAN			
1. Jalan	-	7,250	7,250
2. Jambatan	25,330	6,719	6,719
3. Pelabuhan	23,370	13,909	13,909
4. Bandar			
5. Perniagaan			
6. Sekolah			
7. Rumah sakit			
8. Pusat perbelanjaan			
9. Tempat ibadah			
10. Hotel			
11. Lain-lain			
JUMLAH KECIL			
JUMLAH BESAR	427,016	490,914	490,914
			536,100

BUTIRAN PERBELANJAAN AM DAN SEBAGAI

Aktiviti: Perkhidmatan Pemulihian Akhlak.

Aktiviti: Yayasan-Yayasan Akhlak.

At: Sekolah Laki-Laki Sungai Besi.

<u>Butiran Perbelanjaan Am Dan Sebagai</u>	<u>Perbelanjaan sebenar tahun lalu</u>	<u>Peruntukan tahun semasa</u>	<u>Perbelanjaan yang diramalkan dalam tahun semasa</u>	<u>Peruntukan yang diperlukan tahun baru</u>
<u>DAN UPAHAN</u>				
Gaji dan Upahan	205,873	245,475	245,475	253,913
Elaun dan lain-lain habuan	4,905	-	-	-
Wang				
Tambahan Kos kakitangan	1,532	4,256	4,256	2,849
JUMLAH KECIL	212,310	249,731	249,731	256,762
<u>PERKHIDMATAN DAN BEKALAN</u>				
Perjalanan dan Pengangkutan orang.	3,900	4,255	4,255	5,848
Pengangkutan Barang-barang	200	120	120	120
Perhubungan	990	945	945	1,008
Utiliti.	7,650	7,800	7,800	7,800
Sewaan	1,800	1,950	1,950	1,950
Perkhidmatan Percetakan	175	280	280	283
Bekalan dan Bahan-bahan	139,893	173,740	173,740	204,851
Penyelenggaraan dan Pembaikan	20,412	24,415	24,415	27,056
Perkhidmatan Ikhtisas dan lain-lain Perkhidmatan yang dibeli dari Hospitaliti	1,568	1,609	1,609	1,839
JUMLAH KECIL	176,588	215,114	215,114	250,755
<u>PEMBELIAN HARTA MODAL</u>				
Kemudahan (Pembinaan dan Pembaharuan Bangunan)	-	7,250	7,250	-
Parabut dan Lengkapan Alat Kelengkapan dan Ternakan.	25,328	6,719	6,719	7,276
JUMLAH KECIL	25,328	13,969	13,969	7,276
<u>PEMBERIAN DAN BAYARAN TETAP</u>				
Bayaran Pindaan	12,790	12,000	12,000	19,315
JUMLAH KECIL	12,790	12,000	12,000	19,315
JUMLAH BESAR	427,016	490,814	490,814	534,108

Laporan Kebebasan Berlesen

Daripada

hingga

Nama:Rumah:Tarikh Perintah:Gred:Tarikh Masuk:Jangka Dalam Sekolah:Perintah Temat:Bangsa:Umur:Ugama:No. Kad Pengenalan:Sebab Masuk:Latar sosial berkenaan penama:

Bapa: Encik berusia lebih kurang tahun. Kad Pengenalan No., telah tua dan uzur tidak membuat apa-apa pekerjaan.

Ibu: Puan berusia lebih kurang tahun, kad pengenalan No. bekerja sebagai pelayan di Rumah Rehat, Slim River. Pendapatannya adalah sebulan.

Adik-Beradik: Keluarga ini mempunyai enam orang anak terdiri dari dua perempuan dan empat lelaki.

1. (Perempuan) berusia tahun, berada di England dibawa oleh Majikannya.
2. (Perempuan) berusia tahun bekerja sebagai pembantu kedai di Slim River.
3. berusia tahun masih lagi menuntut di Kuala Lumpur.
4. Penama.
5. berusia tahun telah bekerja di Tapah.
6. berusia tahun masih lagi menuntut.

Keadaan Rumah: Keluarga ini tinggal di bilik yang dikhaskan oleh majikan ibunya dan baru ini mereka telah beli sebuah rumah murah dan bapanya telah berpindah ke rumah baru itu. Keadaan rumah adalah memuaskan.

Keadaan ekonomi: Pendapatan ibunya adalah \$80.00 sebulan dengan bantuan dari anak-anak yang telah bekerja keadaan ekonomi keluarga ini bolehlah dikatakan sederhana sahaja.

Latarbelakang Penama:

Penama telah dilahirkan dalam keadaan yang normal. Apabila sampai masa ia untuk bersekolah ia telah diantar ke sekolah sehingga ke darjah lima (5). Penama tidak lagi meneruskan persekolahannya ia didapati minat dalam pelajarannya. Walaupun ia telah sekolah hingga darjah lima tapi penama masih lagi buta huruf. Selepas berhenti sekolah penama tidak membuat apa-apa pekerjaan kerana usianya masih budak-budak dan ia menghabiskan masa lapangnya dengan bermain-main sahaja. Pada satu masa penama telah bekerja sebagai menjaga anak-anak di rumah ADO dan berhenti setelah bekerja selama 2 bulan. Kemudian penama telah mendapat kerja di kedai membaki sehingga ia melakukan kesalahan ini. Mengikut laporan ibunya memberitahu bahwa ia mengesyai ramai kawan-kawan yang sebaya dengannya dan penama bebas dari melakukan apa sahaja yang dikehendakinya. Penama juga didapati jarang balik ke rumah dan tidak ketahui di mana ia tinggal.

Latarbelakang penama selepas masuk ke sekolah ini:

Perangai/Kemajuan: Penama telah dimasukkan ke sekolah ini dari Asrama Selibin Ipoh, Perak pada 7.6.77. Sejak dimasukkan ke sekolah ini penama telah banyak diberi nasihat-nasihat atau tunjukajar untuk pemulihran akhlaknya. Pada masa ini didapati penama telah dapat mengikut atau mematuhi nasihat-nasihat yang diberi itu dengan jayanya. Walaupun demikian nasihat-nasihat masih juga diberi pada penama. Memandangkan pada kemajuan yang dicapai oleh penama ini ia telah disokong kenaikan gradnya ke A dan diberi peluang untuk dibebaskan diri dari sekolah ini secara berlesen.

Pergaulan: Dari segi pergaulan, selama penama berada di sekolah ini ia tidak menimbulkan sebarang masaalah. Apabila sampai ke sekolah ini ia dengan cepat dapat menyesuaikan diri dengan murid-murid lain terdiri dari berbilang kaum. Penama ini adalah seorang murid yang senang dapat kawan kerana ia rajin menolong kerja-kerja kawannya. Begitu juga pergaulan penama dengan kakitangan sekolah ini ia seringkali memberi hormat kepada mereka apabila ia bersua dengan mereka.

Pelajaran: Akademik:

Semasa di luar dahulu penama hanya bersekolah hingga darjah 5 sahaja dan ia adalah seorang buta huruf. Apabila sampai ke sekolah ini ia telah diberi peluang belajar di kelas Hijau. Memandangkan pada laporan bulanan yang diterima dari guru yang berkenaan dapat kemajuannya adalah sederhana sahaja dan sekarang penama telah boleh membaca dan menulis. Perangai atau tingkah lakunya semasa berada dalam kelas adalah memuaskan.

Vokesenal:

Di bahagian vokesenal, setelah menjalankan kelas-kelas ujian dan penama didapati ada minat dalam bahagian mekanik dengan itu ia telah diberi peluang untuk mengikuti kelas mekanik. Memandangkan kepada laporan guru didapati penama mengikuti kelas tersebut dengan penuh minat. Perangai atau tingkah lakunya juga adalah memuaskan.

Permainan:

Di bahagian ini penama didapati tidak beberapa minat, jarang sekali didapati penama melibatkan dirinya sebarang permainan yang ada di sekolah ini. Walaupun penama ada daftar dirinya dalam permainan Ping Pong dan ia diterima adalah untuk penyokong sahaja.

Kesihatan:

Apabila ia disasukkan ke sekolah ini kesihatannya tidaklah begitu memuaskan kerana ia mengidap penyakit kulit. Di sekolah ini ia telah diberi rawatan dan pada masa ini penyakit kulitnya telah sembah. Selain dari itu ia tidak mengidap penyakit-penyakit yang merbahaya.

Kerja Masa Lapang:

Di bahagian ini ia mengikuti kelas Plywood, dan pada masa ini latihan membuat kereta lombu. Penama mengikuti kelas ini pemah minat.

Ulasan-ulasan "AM":

Penama telah berada di sekolah ini selama 20 bulan, dalam tempoh ini penama telah insaf atas segala kejahatan dan sekarang bersedia balik kepadangan masyarakat untuk memulakan kehidupan baru. Semasa berada di sini ia telah membuat kejayaan.

Mengikut kata ibunya bahwa ia telah mengadakan satu pekerjaan untuk sebagai dan menanti masa untuk anaknya dibebaskan sahaja untuk melapurkan diri untuk bekerja.

Namandangkan keadaan yang sedemikian yang tersebut di atas saya menyokong kebebasan penama dalam berlesen.

Tarikh:

Penama adalah berasal di mukim Lubuk Teluk 10 buah dan dilahirkan kepada dua orang ahli yang masih hidup iaitu ayahnya yang meninggal dunia sekitar tahun 1980 dan ibunya yang masih hidup sehingga kini. (.....)

Pengetua,
Sekolah Laki-Laki Sg. Besi,
Kuala Lumpur.

Penama merupakan anak kedua daripada empat bersaudara. Ia dilahirkan pada tahun 1980 dan dilahirkan di sebuah rumah yang terdiri daripada dua bilik dan dapur. Ia dilahirkan oleh seorang ibu yang masih hidup dan bernama Hajar. Ia dilahirkan dengan seorang bapa yang masih hidup dan bernama Tarikh:

..... dan dilahirkan pada tarikh.....

Penama dilahirkan untuk dilaksanakan dengan seimbang-seimbang berikut:

- (1) Kerja-kerja Rumah perlu dilengkapi sebaik. Dia telah dilengkapi oleh bapanya berdasarkan tuntutan buat kerja-kerja rumah.
- (2) Latihan dilibus latihan penerangan - latihan berjalan kaki.
- (3) Boleh dipengaruhi oleh zolos-zolosnya - dia adalah berasal dari suatu mukim yang dilanda dan berasa. Juga dia boleh dipengaruhi oleh zolos-zolos mukimnya di sini dari sekelah.
- (4) Perilakunya di-entahai perasa dengan keluarga ketika ini walaupun,

PERBINCANGAN KES

Nama: [REDACTED] Mahkamah: [REDACTED]
Tarikh Lahir: [REDACTED] Bil. Kes: [REDACTED]
No. K/P: [REDACTED] Gred: [REDACTED]
Bangsa: [REDACTED] Tarikh Perintah: [REDACTED]
Ugama: [REDACTED] Tarikh Masuk: [REDACTED]
Alamat: [REDACTED] Tamat Perintah: [REDACTED]
Rumah: [REDACTED]
Kesalahan dan sebab masuk: [REDACTED]

Tujuan:

Penama sudah berada di sekolah ini hampir 10 bulan dan dalam tempoh ini, pada pendapat saya dia belum mencapai sebarang kesajuhan dalam bidang-bidang dia ikutinya. Untuk perhatian tuan-tuan dan puan dia juga adalah salah seorang murid yang telah mlarikan diri dari Sekolah ini bersama empat orang murid lagi pada Saya kemukakan kes ini semata-mata untuk mendapat buah fikiran serta cadangan dari hadirin yang mana saya akan praktikkan dalam kerja pemulihan akhlak dan juga mencapai kemajuan dalam bidang-bidang lain seperti voksyenal akademik dan permainan.

Kes ini dikemukakan untuk dibincangkan dengan sebab-sebab berikut:

- (1) Kerja-kerja kawasan perlu diingatkan selalu. Dia telah ditangkap oleh Pegawai bertugas kerana tidak buat kerja-kerja kawasan.
- (2) Lemah dalam latihan permainan -latihan berjalan kakki.
- (3) Sudah dipengaruhi oleh rakan-rakannya - Ini adalah bersabit dengan sedut Thimma dan Gom. Juga dia telah dipengaruhi oleh rakan-rakan mlarikan diri dari Sekolah.
- (4) Perhubungan di antara penama dengan keluarga kurang memuaskan.

Tindakan yang telah diambil:

- (1) Nasihat dan counselling telah dibuat dari masa kesemasa tetapi belum mendatang hasil. Dia masih lembab atau malas.
- (2) Mengenai permainan berjalan kaki - Sudah ikuti latihan selama lapan bulan tetapi tidak ada kemajuan. Saya sendiri telah bawa dia keluar untuk berlatih dan penama ini mempunyai bakat.
- (3) Denda-denda seperti buku hitam selama 3 bulan, botak kepala dan sebat dengan rotan telah pun dijalankan. Selain daripada itu dia masih menjalankan denda buku hitam di mana setiap petang dia membuat kerja-kerja denda.
- (4) Mengenai perkara surat menyurat, saya telah beberapa kali menasihatnya menulis ke rumah tetapi ini tidak berhasil. Selepas bercuti penama telah menghantar sepucuk surat ke rumah tetapi sehingga ke hari ini tidak ada jawapan. Pihak keluarga pun tidak ambil berat tentang balas surat penama.

Dengan adanya perbincangan ini dapatlah kiranya majlis ini memberikan pendapat-pendapat dan cadangan demi untuk kebaikan murid.

Sekian terima kasih.

.....

Pembawa Kas.

Tarikh:

PENGURUSAN PENTADBIRAN

Sekolah ini mengadakan 40 jawatan seperti berikut:

<u>Bil.</u>	<u>Jawatan</u>	<u>Tetap</u>	<u>Sementara</u>	<u>Jumlah</u>
1.	Pengetua	1	-	1
2.	Timbalan Pengetua	1	-	1
3.	Pembantu Kebajikan Masyarakat	11	-	11
4.	Guru	4	-	4
5.	Pengajar Pertukangan	2	-	2
6.	Pen. Pengajar Pertukangan	-	3	3
7.	Pembantu Pertanian Muda	1	-	1
8.	Pegawai Kerani Am	-	1	1
9.	Pegawai Kerani Rendah Am	1	-	1
10.	Penyalenggara Stor	1	-	1
11.	Pembantu Hospital	1	-	1
12.	Tukang Masak	3	-	3
13.	Jaga	8	-	8
14.	Derebar	1	-	1
15.	Tukang Kebun	1	-	1
		<hr/> 36	<hr/> 4	<hr/> 40

Peringatan: Borang ini hendaklah diserahkan kepada Pengetua seminggu sebelum mesyuarat.

**KENAIKAN PANGKAT (GRADING) MURID
SEKOLAH LAKI-LAKI SUNGAI BESI.**

Nama Murid:

Nama Rumah:

Tarikh Masuk:

Masa Dalam Sekolah:

Pangkat Sekarang:

Sokong naik Pangkat:

(Jika lebih daripada 10 bulan untuk naik pangkat "B" dan lebih daripada 17 bulan untuk pangkat "A" sila catitkan di sini sebab-sebab terlambat)

.....
.....

KELAKUAN-KELAKUAN

Pegawai Bahagian	Terpuji	Memuaskan	Sedang	Tidak memuaskan	Penjelasan mesti diberi jika terpuji atau tidak memuaskan
Guru Darjah Hijau					
Guru Latihan Jahitan					
Pembantu Hospital					
Penyelia Dapur					
Kelas Tambohan					

Borang Laporan Ujian PermulaanNama Murid:Bil. Masuk Sekolah:Nama Rumah:Mula Ujian:

Pelajaran	Markah Penuh	Markah didapati	Catitan
B. Malaysia			
1. G. kerja lisan	100		
2. Bacaan + fahaman	100		
3. G. kerja bertulis	100		
Ilmu Hisab	100		
Tata Rakyat	100		
Jumlah :			

Ulasan:-

Cadangan kemasukan ke darjah.

.....
Ketua GuruDisahkan :
Pengetua.

Jadual Waktu Harian

<u>Masa</u>	<u>Aktiviti</u>
5.45	Sembahyang (murid Islam)
6.00	Senaman
6.15	Kerja Am
6.45	Mandi
7.15	Sarapan pagi
8.00	Kelas pelajaran
9.45	Minum/rehat
10.15	Kelas mula semula
12.15	Makan tengahari
1.25	Perhimpunan
1.30	Kelas Vokesyenal
3.15	Rehat
3.45	Kelas Vokesyenal
5.45	Permainan
7.30	Makan malam
8.15	Kelas Tambahan (Ugama)
9.15	Kelas tamat
9.45	Minum + tidur